AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

Pelita Brunei

فليتا برونى

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 12 | RABU 23 MAC, 1988. | رابو 5 شعبان 1408 | PERCUMA

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menerima junjung ziarah di majlis tersebut.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika dijunjung ziarah oleh barisan kanak-kanak cacat di majlis tersebut.

Berangkat ke majlis sambutan Israk Mikraj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Israk Mikraj telah diadakan di Istana Nurul Iman di sini dan Istana Nurul Izzah, Jerudong baru-baru ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan berangkat bercemar duli ke majlis sambutan Israk Mikraj yang diadakan di Istana Nurul Iman di sini yang berlangsung pada 16 Mac lepas. Sementara Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga telah berkenan berangkat di sambutan yang sama yang diadakan di Istana Nurul Izzah pada 17 Mac lepas.

Berangkat sama di majlis yang diadakan di Istana Nurul Iman ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah. Juga

Lihat muka 24

PETIKAN TITAH

"SEGALA tingkah laku dan perbuatan pegawai-pegawai kanan kerajaan beta hendaklah mencerminkan kebajikan yang boleh dijadikan contoh teladan oleh orang ramai."

Dititahkan semasa Istiadat Mengadap dan Menyembahkan Kesyukuran di Dewan Kemasyarakatan, Temburong pada 20 Ogos 1981 sempena hari keputeraan baginda ke-35 tahun.

SWASTA DISERU TAMPIL HULURKAN BANTUAN

BERAKAS, 18 Mac. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menyeru, orang ramai dan pihak swasta di negara ini tampil ke hadapan menghulurkan bantuan kepada Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA).

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian memandangkan persatuan ini perlu memperolehi sebuah bangunan pusat kanak-kanak cacat sendiri yang akan dilengkapkan dengan berbagai-bagai kemudahan bagi menampung keperluan untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak cacat dengan lebih sempurna.

"Persatuan ini tentulah memerlukan bantuan-bantuan yang berupa tenaga dan material daripada orang ramai di negara ini. Selain daripada itu persatuan ini juga mengharapkan bagi memperolehi sebuah bangunan pusat kanak-kanak cacat sendiri yang mana nanti akan dilengkapkan dengan berbagai kemudahan bagi menampung keperluan untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak cacat dengan lebih sempurna," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia menyeru orang ramai di negara ini dan juga pihak-pihak swasta supaya akan tampil ke hadapan dan dapat menghulurkan bantuan bagi menolong persatuan itu mencapai matlamatnya.

Duli Yang Teramat Mulia telah bersabda demikian di majlis perasmian Mesyuarat Agung Pertama KACA di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Oleh Haniza Abdullah

Kesedaran masyarakat keseluruhannya terhadap pemedulian kanak-kanak cacat di negara ini perlu dipupuk. Dalam hubungan ini Duli Yang Teramat Mulia mencadangkan supaya akan diisytiharkan sehari dalam setahun sebagai "Hari Kanak-kanak Cacat."

Pada hari yang dimaksudkan itu, sabda Duli Yang Teramat Mulia berbagai-bagai kegiatan akan diungkayahkan yang bersangkut-paut dengan kanak-kanak cacat, seperti acara-acara sukan, kerja-kerja kebajikan dan amal.

"Dengan cara yang demikian, ianya membukakan peluang kepada masyarakat yang bernasib baik di negara ini untuk mendekatkan diri mereka kepada orang-orang cacat dan dapat memahami keperluan-keperluan mereka secara lebih dekat lagi," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah

Lihat muka 9

MANISNYA IMAN

"INGATLAH! sesungguhnya jenis manusia tetap melampaui batas yang sepatutnya atau yang sewajibnya." — Maksud Surah Al-Alak ayat 6.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
قليتا برونى
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

23 MAC, 1988

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

PERATURAN-PERATURAN KERAJAAN MENJAMIN PEMBANGUNAN KEMAJUAN DAN KESEJAHTERAAN SEMUA

MEMATUHI serta mendukung sepenuhnya peraturan-peraturan kerajaan adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat dan penduduk negara kita yang tercinta ini.

Peraturan-peraturan yang dibuat itu sememangnya telah diteliti serta dihalusi secara mendalam menurut perhitungan-perhitungan tertentu yang semata-mata demi kebahagiaan dan kesejahteraan kita bersama jua.

Mungkin di antara peraturan-peraturan kerajaan itu ada yang menjejaskan kehendak-kehendak peribadi tetapi yang pasti peraturan-peraturan itu lebih mengutamakan kepentingan orang ramai secara menyeluruh.

Kepentingan peribadi baik dalam apa bentuk sekalipun tidak menguntungkan sebarang pembangunan dan kemajuan negara baik untuk jangka pendek apatah lagi untuk jangka panjang. Ia lebih banyak merugikan pembangunan negara di samping menjejaskan keselesaan alam sekitar dan keselamatan.

Dalam keadaan negara kita pesat membangun ini ada di kalangan rakyat dan penduduk negara kita ini mentafsirkan pembangunan dan kemajuan itu dari pandangan negatif.

Kita sesungguhnya merasa kecewa kerana terdapatnya kegiatan-kegiatan yang berselerak di sana sini yang bertentangan dengan peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan-jabatan kerajaan.

Baru-baru ini Kementerian Pembangunan telah mengingatkan orang ramai bahawa adalah merupakan satu kesalahan membuat sebarang perkembangan tanah atau sebarang bangunan tanpa kebenaran bertulis dari pihak berkenaan.

Menjalankan kegiatan seperti perusahaan dan perniagaan yang bertentangan dengan syarat tanah adalah juga salah di sisi peraturan.

Orang ramai juga diingatkan agar mematuhi peraturan-peraturan kerajaan terutama dalam membina bangunan dan rumah termasuklah penambahan atau pengubahsuaian bangunan di Kampong Ayer. Di samping itu penyambungan talian letrik mestilah selaras dengan syarat asal pemberian bekalan letrik dari jabatan berkenaan. Selain daripada itu menjalankan perniagaan dan perusahaan tanpa lesen-lesen adalah juga ditegah.

Bagi mengatasi masalah ini buat langkah permulaan satu jawatankuasa telah dibentuk untuk menyelaraskan bersama tindakan masing-masing. Jawatankuasa ini dianggotai oleh berbagai jabatan kerajaan dan kementerian. Tindakan awal yang dipersetujui ialah memotong bekalan letrik kepada bangunan-bangunan yang didapati melanggar peraturan-peraturan itu.

Tindakan ini akan disusul dengan pemotongan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain seperti air dan seterusnya tindakan yang berkaitan seperti pembatalan lesen kebenaran pengambilan pekerja-pekerja asing dan juga pas kerja.

Demi memberikan kesan yang lebih efektif, kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa saja yang didapati menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan peraturan-peraturan kerajaan.

Apapun tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah semata-mata bertujuan untuk kepentingan kita bersama jua dalam mewujudkan suasana kehidupan yang bermutu tinggi kerana kita tidak mahu kegiatan-kegiatan itu mencemari kawasan-kawasan kediaman yang secara langsung memusnahkan kedudukannya sebagai kawasan bermastautin yang aman dan bahagia.

Lagipun kerajaan telah menyediakan kawasan-kawasan perusahaan ringan di semua daerah bagi menampung keperluan ini, jadi munasabahlah kawasan yang telah ditentukan ini dimanfaatkan sebaik-baiknya kerana ia dirangka sebegitu rupa untuk membolehkan kita berganding bahu dengan kerajaan dalam memaju dan membangun negara di segenap bidang termasuklah mengembangkan perniagaan dan perusahaan.

KACA ditubuhkan untuk beri kesejahteraan kanak-kanak cacat

SABDA ucapan penuh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) Negara Brunei Darussalam bertempat di Bilik Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas pada 18 Mac, 1988.

BISMILLAHIR Rahmanir Rahim.

Tetamu-tetamu Kehormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan Kanak-kanak Cacat Negara Brunei Darussalam, Awang-Awang dan Dayang-Dayang.

Assalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin-Nya juga, kita dapat mengadakan perjumpaan yang berkebajikan pada hari ini.

Dalam beberapa tahun sejak Persatuan Kanak-kanak Cacat yakni KACA ditubuhkan, kita telah pun mula melihat beberapa kemajuan yang telah dicapai oleh persatuan ini, iaitu dalam usaha untuk memelihara dan memberikan perhatian terhadap kebajikan dan kesejahteraan kanak-kanak cacat di negara ini, terutama sekali dalam usaha untuk membentuk dan mengasuh mereka sebagai golongan masyarakat yang mempunyai peranan dalam pembangunan negara.

Sungguhpun telah timbul kesedaran akan perlunya memberikan asuhan dan bimbingan yang khusus terhadap kanak-kanak cacat di negara ini, akan tetapi adalah juga perlu dipupuk bukan saja di kalangan para ibu bapa, malahan juga seharusnya kesedaran itu wujud secara meluas di kalangan masyarakat di negara ini, supaya masyarakat pada keseluruhannya akan memberikan perhatian yang berat terhadap pemedulian kanak-kanak cacat di negara ini. Oleh yang demikian, saya berharap dalam menyusun rancangan bagi kegiatan-kegiatan persatuan ini di tahun-tahun yang akan datang, pihak yang berkenaan akan mengambil perhatian terhadap keperluan ini.

Persatuan ini tentulah memerlukan bantuan-bantuan yang berupa tenaga dan material daripada orang ramai di negara ini. Selain daripada itu, persatuan ini juga mengharapkan bagi memperolehi sebuah pusat kanak-kanak cacat sendiri yang mana nanti akan dilengkapkan dengan berbagai-bagai kemudahan bagi menampung keperluan untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak cacat dengan lebih sempurna. Yang demikian, saya menyeru orang ramai di negara ini dan juga pihak-pihak swasta supaya akan tampil ke hadapan dan dapat menghulurkan bantuan sedaya yang terdapat bagi menolong persatuan ini mencapai matlamatnya.

Sehubungan dengan ini, iaitu untuk meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap memberikan perhatian kepada kanak-kanak cacat dan juga untuk memberikan perangsang di kalangan kanak-kanak cacat di negara ini bahawa mereka bukanlah merupakan sebagai anggota masyarakat yang tidak diberikan perhatian, maka saya mencadangkan supaya akan diisytiharkan sehari dalam setahun sebagai "Hari Kanak-kanak Cacat". Pada hari yang dimaksudkan ini, berbagai-bagai kegiatan akan diungkayahkan yang bersangkut-paut dengan kanak-kanak cacat, iaitu seperti acara-acara sukan, kerja-kerja kebajikan dan amal dan berbagai-bagai lagi. Dengan cara yang demikian, ianya membukakan peluang kepada masyarakat yang bernasib baik di negara ini untuk mendekatkan diri mereka kepada orang-orang cacat dan dapat memahami keperluan-keperluan mereka secara lebih dekat lagi. Walau bagaimanapun, cadangan ini terpulanglah kepada pihak yang berkenaan untuk mempertimbangkannya.

Saya berharap permesyuaratan pada kali ini akan dapat membuahkan fikiran-fikiran dan pandangan yang berguna dalam usaha untuk mempertingkatkan kegiatan-kegiatan persatuan ini di dalam menjaga dan memeduli kebajikan kanak-kanak cacat di negara ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak individu dan swasta di negara ini yang mana telah bermurah hati menghulurkan derma dan bantuan kepada persatuan ini.

Sekian. Wabillahit Taufiq Wal-Hidayah Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta lain-lain kerabat Diraja dan YB Menteri Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Johar menyaksikan salah satu acara persembahan oleh kanak-kanak cacat.

Mesyuarat Agung Pertama KACA

BERAKAS 13 Mac. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan Kanak-kanak Cacat (KACA) di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Berangkat sama ke majlis perasmian itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Juga hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar, pegawai-pegawai kanan kerajaan, pegawai kanan Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan serta ahli-ahli Persatuan KACA.

Persatuan KACA ditubuhkan pada tahun 1986 dan kini mempunyai keramaian ahlinya lebih 194 orang. Mesyuarat agung pertama petang itu adalah bagi melantik jawatankuasa tertinggi bagi tahun 1988 dan 1989 serta melantik jawatankuasa kerja kebajikan, aktiviti, sukan dan mengutip derma untuk bangunan KACA.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika merasmikan mesyuarat agung pertama Persatuan KACA.

DULI Yang Teramat Mulia dijunjung oleh pengerusi majlis, Dr. Ma Htay New untuk menyaksikan pameran hasil kerjatangan kanak-kanak cacat.

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika diperkenalkan dan beramah mesra dengan seramai 28 orang kanak-kanak cacat, sejurus selepas Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan pameran.



SEBAHAGIAN daripada hasil kerjatangan kanak-kanak cacat juga dipamerkan di majlis perasmian mesyuarat agung persatuan tersebut.



Sumbangan derma

PERSATUAN Kanak-kanak Cacat KACA telah menerima sumbangan derma berupa cek bernilai $10 ribu dari persatuan Persahabatan Jepun-Brunei. Derma tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan Kanan Syarikat Gas Tokyo, Awang K. Anzai kepada Menteri Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar di satu majlis yang berlangsung di sebuah Hotel terkemuka di ibu negara pada 15 Mac lepas. — Gambar oleh Harun Rashid.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-425

Perkara-perkara yang dipinta daripada imam-imam ketika imam itu menjadi imam kepada orang ramai

YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Bahagian ketiga

BERKATA pengarang Al-Haawi dalam kitab Al-Bahjah: Dan dhabit dan ukuran kadar saktah imam dalam sembahyang jahriyyah (nyaring) seperti kadar berdiri pada rakaat yang ketiga dari sembahyang Maghrib.

Kemudian ia baca satu surah dari surah-surah kumpulan Qisaarul Mufassal (dari Wadhduha hingga akhir Quran Surah An-Naas) melainkan surah-surah yang tertentu yang disuruh baca akan dia dalam mana-mana sembahyang yang tertentu, maka hendaklah imam itu membaca surah itu sekalipun panjang, sekalipun ahli jemaah tiada bersetuju kerana ia adalah perintah syarak seperti Sembahyang Isyak malam Jumaat dibaca padanya akan Surah Al-Jumu'ah dan Surah Al-Munaafiquun atau imam membaca Surah Sabbihisma Rabbika dan Surah Hal-Ataaka dan Sembahyang Subuh hari Jumaat, imam membaca Surah As-Shajadah dalam juzuk 21 dan Surah Hal-Ataa' ala Insaan dalam juzuk 29 dan pada sembahyang Jumaat, imam membaca Surah Al-Jumuah dan Surah Al-Munafikun atau Sabbihisma Rabbika dan Surah Hal-Ataaka (sekarang imam-imam cuai meringan-ringankan perintah syarak dan mengabai-abaikan hak-hak makmum yang ada di belakangnya, imam-imam membaca surah-surah dan ayat-ayat yang tiada diperintah dan tiada disuruh oleh syarak. Mereka telah melanggar adab-adab sembahyang yang diamanahkan Allah dan raja dan orang-orang Islam dan ahli Jumaat, mereka orang-orang yang mematikan sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan mencuri sembahyang tiap-tiap makmum di belakangnya.)

Apabila imam itu dalam bacaannya lalu pada ayat menyebut rahmat maka dia mohon kepada Allah akan rahmat dan apabila lalu pada ayat azab maka mohon berlindung dari azab atau ia lalu pada ayat tasbih maka ia mengucap tasbih dan apabila ia membaca Surah At-Tiin dan akhir surah Al-Mursalaat maka ia kata Aamanna Billah.

Kemudian apabila imam telah selesai membaca sesuatu surah maka dia diam sebentar sekadar "Subhanallah" (ini saktah yang keenam dan yang akhir dalam satu-satu rakaat sembahyang.)

Kemudian dia bertakbir "Allahu Akbar" serta ia tunduk dengan memanjangkan suara takbir itu sehingga ia sampai pada perenggan rukuk, kemudian ia berkata "Subhana Rabbiyal 'aziimi wabihamdih" 3 kali. Ertinya: "Hamba mengucap suci bagi Tuhan hamba dari segala sifat-sifat kekurangan, Tuhan Yang Maha Sempurna pada zat dan sifat-Nya, dengan segala puji-pujian bagi Tuhan hamba."

Ia hendaklah membaca lambat-lambat, begitu juga ia baca lambat-lambat dalam segala rupa bacaan dan qaul perkataan, sekira-kira orang di belakangnya itu dapat mengerjakan bacaan dan dapat membaca apa-apa yang dituntut pada membacanya dan menyebutnya.

Kemudian imam berkata "Sami'allahu liman hamidah" yang ertinya: "Allah Taala mendengar akan siapa yang telah mengucap Alhamdulillah kepada Allah" serta imam bangkit dari rukuk.

Apabila imam telah berdiri tegak, maka ia baca yang ertinya: "Hai Tuhan kami, bagi Tuhan hamba segala puji-pujian, hamba memuji akan Tuhan hamba dengan puji-pujian yang banyak, yang baik, yang bertambah-tambah puji-pujian kepada Tuhan hamba, sepenuh isi langit dan sepenuh isi bumi dan sepenuh apa perkara yang Tuhan kehendakkan lepas dari perkara-perkara itu."

WALLAHUAKLAM

(bersambung)

MENTERI Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika berucap merasmikan Seminar Pegawai-pegawai Masjid.

Hayati sepenuhnya tugas dengan sempurna dan ikhlas

SEBAHAGIAN dari pegawai-pegawai masjid yang terdiri dari para imam dan bilal yang mengikuti Seminar Pegawai-pegawai Masjid Seluruh Negara di Perkampungan Gadong. — Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO.

GADONG 14 Mac. — Menteri Hal Ehwal Ugama berharap semua pegawai masjid memahami dan menghayati tugas masing-masing dengan sempurna dan ikhlas semata-mata bagi menjunjung kalimah Allah Subhanahu Wataala dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ingin Islam dihayati sebagai suatu cara hidup yang lengkap di negara ini.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin melahirkan harapan itu di pembukaan rasmi Seminar Pegawai-pegawai Masjid Seluruh Negara di Perkampungan Gadong di sini.

Yang Berhormat menegaskan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerusi Kementerian Hal Ehwal Ugama bertanggungjawab sepenuhnya terhadap masjid-masjid dan mengawasinya dengan teliti.

"Tanggungjawab itu termasuklah memberikan bimbingan kepada pegawai-pegawai masjid demi untuk meneruskan penghayatan dalam hidup beragama kepada generasi sekarang dan generasi yang akan datang," tegas Yang Berhormat.

Mengenai tujuan pertama seminar iaitu untuk mengulangkaji dan menghalusi bacaan yang mungkin kurang ketartilannya. Yang Berhormat menjelaskan, ia bukan bermaksud para pegawai masjid tidak menguasai dengan baik bacaan yang mereka baca tetapi mungkin pada suatu ketika disebabkan bacaan-bacaan itu hanya bersandarkan ingatan yang telah lama dan kurang diulangkaji maka hafalan yang itu kadang-kadang kurang ketartilannya.

"Kita ini manusia, tidaklah sempurna, ada kesilapan dan ada kesalahan dan juga kurang ingatan. Pegawai-pegawai masjid mustahak membuka Al-Quran, selalu membaca ayat-ayat yang dibaca dalam sembahyang dan di hadapan umum termasuk doa-doa. Dengan cara demikian, insya-Allah pada setiap minggu hafalan dapat diperbaiki dan mudah-mudahan tidaklah berlaku kesilapan dan pertukaran huruf-huruf dalam penyebutan," jelas Yang Berhormat.

Mengenai tujuan kedua iaitu untuk meningkatkan pengetahuan yang ada hubungan dengan tugas-tugas para pegawai masjid, Yang Berhormat menjelas :

"Sebenarnya ilmu pengetahuan itu tidak habis untuk dipelajari sehingga akhir hayat tetapi pengetahuan-pengetahuan yang ada hubungannya dengan tugas sehari-hari adalah mustahak diketahui dan dikuasai dengan sempurna."

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 23 Mac hingga ke hari Selasa 29 Mac 1988 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	*ZUHUR*		*ASAR*		*MAGHRIB*		*ISYAK*		*IMSAK*	*SUBUH*		*MATAHARI TERBIT*
	Mulai	*Berakhir*	*Mulai*	*Berakhir*	*Mulai*	*Berakhir*	*Mulai*	*Berakhir*		*Mulai*	*Berakhir*	
Mac												
23	12.29	3.34	3.35	6.30	6.31	7.39	7.40	5.14	5.00	5.15	6.23	6.24
24	12.29	3.33	3.34	6.30	6.31	7.39	7.40	5.13	4.59	5.14	6.22	6.23
25	12.29	3.32	3.33	6.30	6.31	7.39	7.40	5.13	4.59	5.14	6.22	6.23
26	12.28	3.31	3.32	6.29	6.30	7.39	7.40	5.13	4.58	5.14	6.22	6.23
27	12.28	3.30	3.31	6.29	6.30	7.38	7.39	5.12	4.57	5.13	6.21	6.22
28	12.28	3.29	3.30	6.29	6.30	7.38	7.39	5.12	4.57	5.13	6.21	6.22
29	12.27	3.28	3.29	6.29	6.30	7.38	7.39	5.11	4.56	5.12	6.20	6.21

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

PEDOMAN HIDUP ISLAM JAUH LEBIH SEMPURNA

MARILAH kita sama-sama bertakwa kepada Allah dengan mentaati segala apa jua perintah-Nya dan menjauhi segala apa jua tegahan-Nya.

Agama Islam adalah agama yang menitikberatkan kesempurnaan hidup para penganutnya, kerana Islam tidak mahu kehidupan penganutnya seperti hidup di Zaman Jahiliah, hidup tidak mempunyai panduan dan pegangan, hidup yang hanya menurut hawa nafsu tidak ubahnya seperti haiwan.

Sebagaimana agama-agama yang lain, Islam pun mempunyai pedoman yang mengatur segala tata kehidupan bagi makhluk-makhluknya, bahkan pedoman hidup yang digariskan oleh Islam jauh lebih sempurna daripada pedoman-pedoman hidup yang terdapat pada agama lain. Pedoman hidup yang dimaksudkan tidak lain ialah Al-Quran dan As-Sunnah, bagi setiap Muslim tiada pilihan lain kecuali mesti mengakui dan meyakini bahawa Al-Quran dan As-Sunnahlah sebagai pedoman hidupnya. Pedoman-pedoman hidup lain yang dicipta oleh otak manusia kebenarannya tidak mutlak, kerana da'ayah pemikiran manusia sangat terbatas, hal ini terbukti bahawa peraturan yang dibuat oleh sesuatu bangsa berbeza dengan peraturan yang disusun oleh bangsa lain. Ini menunjukkan hasil ciptaan manusia itu tidak mencapai hak ciptaan Allah Subhanahu Wataala.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Muslim An Habar (Riadhus Salihin 93).

Maksudnya kira-kira: *Maka sesungguhnya sebaik-baik perkataan ialah Kitab Allah (Al-Quran) dan sebaik-baik petunjuk ialah petunjuk Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam (As-Sunnah).*

Sabdanya lagi yang maksudnya kira-kira: *Aku tinggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya iaitu Kitab Allah (Al-Quran) dan sunnah rasul-Nya (Al-Hadis).*

Di dalam Al-Quran bukan sedikit ayat-ayat yang memerintahkan agar kita sentiasa mematuhi dan mengikuti pedoman hidup yang termaktub dalam Al-Quran dan As-Sunnah antaranya firman Allah dalam Surah An-Nas ayat 59 yang maksudnya kira-kira:

"Hai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul."

Ayat Al-Quran di atas tadi memerintahkan kepada orang-orang yang beriman supaya taat kepada Allah dan rasul-Nya. Pengertian taat kepada Allah ialah mematuhi dan melaksanakan ajaran-ajaran Allah yang terdapat dalam kitab suci Al-Quran. Sedangkan pengertian taat kepada rasul ialah mengikut segala petunjuk-petunjuknya sebagaimana yang terdapat dalam Al-Hadis (As-Sunnah) dengan demikian pengertian yang tersebut di dalam ayat tersebut ialah bahawa pedoman hidup Muslim adalah Al-Quran dan As-Sunnah. Melanggar ketetapan yang terkandung dalam Al-Quran dan hadis bererti menentang terhadap kebijaksanaan Allah dan rasul, tidak mengikut peraturan Al-Quran dan hadis boleh menimbulkan banyak hal yang tidak baik dan bertentangan dengan kehendak Islam dan tidak mendapat keredaan Allah. Antaranya berlaku tindas-menindas, penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, hilang kejujuran, tidak amanah, tidak berlaku adil dan bermacam-macam lagi kemungkaran yang boleh merosakkan negara dan bangsa.

Seorang ahli sejarah bangsa Inggeris yang sangat terkenal berpendapat Al-Quran itu adalah sebuah kitab agama, kitab kemajuan, kenegaraan, persaudagaran, kemahkamahan dan undang-undang tentera dalam Islam. Al-Quran mengandungi esei yang lengkap, mulai dari urusan ibadat, ketauhidan, sampai kepada pekerjaan sehari, mulai dari urusan rohani sampai kepada hal yang mengenai jasmani. Mulai dari perbicaraan hak-hak dan kewajipan segolongan umat sampai kepada akhlak dan perangai dan sampai kepada hukum seksa di dunia ini. Di dalam Al-Quran dijelaskan segala pembalasan amal. Manakala ahli falsafah Jerman pula mengakui tentang kehebatan Al-Quran sebagai berikut;"Bagaimana jua saya membaca Al-Quran itu, tidak habis-habisnya saya bertemu dengan ajaran-ajaran yang menggerakkan saya kepada mendalami pengetahuan agama. Susunan kalimahnya sangat molek dan indah. Esei dan tujuannya dapat menjadi pedoman jalan bahagia. Kemuliaan yang tinggi dan beberapa pelajaran yang menakutkan untuk pekerjaan jahat. Demikian pada pemikiran saya, Kitab Al-Quran ini akan berjalan terus melalui tiap zaman dan sangat berpengaruh."

Dari keterangan dua orang tokoh beragama asing itu tadi jelas kepada kita kehebatan Al-Quran itu tidak dapatdipertikaikan lagi sehingga dapat menarik perhatian mereka untuk mengkaji dan mendalaminya. Maka apakah kita umat Islam tidak mahu berbuat demikian sedangkan Al-Quran menjadi pedoman kita. Maka keterangan itu juga adalah suatu cabaran bagi umat Islam supaya menaruh minat terhadap Al-Quran. Jika pengajaran Al-Quran dan hadis itu menjadi pakaian kita sehari-hari maka sudah tentu kehidupan kita terkawal dari perkara-perkara yang tidak diingini. Yang mana hasilnya kita akan beroleh kejayaan baik di dunia mahupun di akhirat. Sesuailah dengan maksud hadis di atas tadi kamu tidak akan sesat selama kamu berpegang teguh kepada keduanya.

BERKABUNG

Menuju Keredaan Allah

AL-AHDAD diambil dari perkataan Arab yang bererti membatasi diri ataupun berkabung. Maksudnya ialah larangan ke atas isteri yang kematian suami atau larangan ke atas perempuan yang kematian keluarganya yang terdekat, daripada memakai perhiasan yang cantik-cantik dan harum-harum dalam masa-masa yang tertentu. Berkabung ini hukumnya mengikut keadaan seseorang. Ia dihukumkan wajib ke atas isteri yang kematian suami selagi ia dalam iddah iaitu 4 bulan 10 hari atau sehingga ia melahirkan kandungannya jika si isteri itu mengandung.

Ia juga dihukumkan harus ke atas perempuan yang kematian keluarganya yang terdekat seperti bapanya, ibunya, anaknya, saudaranya atau kematian orang lain selama 3 hari sahaja atau kurang daripadanya. Dan adalah haram hukumnya jika ia berkabung lebih daripada 3 hari.

Sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bererti:

''Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah tidak halal bagi wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhir melakukan Ahdad (berkabung) atas matinya seorang melebihi dari 3 hari, kecuali atas kematian suaminya maka ia diperbolehkan selama 4 bulan 10 hari."

Dalam zaman Jahiliah berkabung ini sangat dititikberatkan, siapa saja yang kematian suami dimestikan memakai kain hitam untuk menyatakan kedukaan selama setahun penuh dan mereka tidak dibolehkan memakai harum-haruman dan tidak boleh pula berkawan-kawan, tetapi hendaklah mereka tingal menyendiri, pendek kata pada masa setahun itu perempuan di zaman Jahiliah itu tidak boleh memperlihatkan kegembiraan.

Oleh kerana perbuatan itu sangat berlebih-lebihan, maka syariat Islam yang dibawa oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah membuat peraturan iaitu berkabung hendaklah tidak lebih dari empat bulan 10 hari untuk menyatakan kedukaan kerana kehilangan suami yang menjadi pembelanya, yang memberi perbelanjaan, makan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya sebagaimana yang terdapat dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam An-Nasaie yang bererti:

"Daripada Ummi Salamah, sesungguhnya telah datang seorang perempuan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan perempuan itu bertanya tentang anak perempuannya yang telah kematian suami dan dia telah mengadu. Maka bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Pada masa yang lalu (zaman Jahiliah) salah seorang daripada mereka telah berkabung selama setahun kemudian ia melemparkan tahi unta setelah genap setahun, tetapi sebenarnya berkabung itu hanyalah 4 bulan 10 hari."

Setelah habis waktu iddahnya maka bolehlah isteri itu memakai pakaian apa saja yang mereka sukai asalkan saja tidak melanggarkan peraturan yang telah ditetapkan oleh agama Islam. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 234 yang bererti:

"Maka apabila sampai iddah mereka itu, maka tiadalah berdosa kamu tentang apa-apa yang mereka lakukan di atas diri mereka dengan cara yang baik. Dan Allah selalu memperhatikan segala yang kamu kerjakan."

Mengikut sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim yang bererti:

"Dari Ummu Athiyyah Radhiallahu Anha berkata: Kami telah dilarang dari berahdad (berkabung) di waktu kematian lebih daripada 3 hari melainkan di waktu kematian suaminya iaitu 4 bulan 10 hari, serta kami tidak boleh bercelak dan tidak boleh pula berharum-haruman dan tidak boleh memakai kain yang bercorak."

Dengan berpandukan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu jelaslah bahawa ada beberapa larangan yang patut diikuti oleh perempuan-perempuan yang berkabung iaitu dari segi pakaian, perhiasan dan juga bau-bauan.

Untuk jelasnya, orang-orang yang berkabung dilarang memakai pakaian yang bercelup dengan warna yang cantik dan dimaksudkan untuk menjadi perhiasan pada siang dan malam hari seperti kain yang berkilat-kilat atau kain yang bercorak dengan warna-warni. Tetapi jika sekiranya pakaian yang berwarna itu tidak dimaksudkan untuk menjadi perhiasan maka diharuskan ia memakainya.

Yang dimaksudkan dari segi perhiasan pula ialah kita dilarang memakai perhiasan-perhiasan yang dibuat daripada emas, perak, perhiasan yang dicelup dengan emas atau perak, mutiara-mutiara, berlian dan apa-apa jua jenis permata. Pengharaman ini juga bagi mereka yang memakai pin baju daripada emas atau subang (anting-anting) sekalipun ianya terlindung oleh pakaian dan tidak dapat dilihat oleh orang lain. Perhiasan-perhiasan itu haram dipakai pada siang hari sahaja manakala malam hari dibolehkan memakainya tetapi hukumnya adalah makruh.

Dan termasuk juga perhiasan yang diharamkan ke atas orang-orang yang berkabung itu ialah memakai celak mata, berinai di tangan atau di kuku dan memakai minyak pada rambut atau pada segala bulu yang terdapat di muka. Ketiga-tiga perkara ini haram dilakukan pada siang dan malam hari. Sementara menyikat atau menyisir rambut adalah harus dengan syarat tidak menggunakan minyak dan tidak pula bertujuan untuk menghias diri sehingga menyisir rambut dengan berbagai cara.

Sementara memakai bau-bauan wangi adalah diharamkan ke atas orang-orang berkabung sama ada memakai bau-bauan pada badan ataupun pada pakaian. Tetapi diharuskan kepada perempuan yang berkabung menggunakan sedikit bau-bauan wangi apabila mereka mandi ketika suci daripada haid ataupun nifas kerana wangi-wangian ini adalah bermaksud untuk menghilangkan bau yang busuk. Sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh An-Nasaie yang bererti:

"Daripada Ummi Athiah daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sesungguhnya Baginda telah memberi kelonggaran ke atas perempuan-perempuan yang kematian suami untuk menggunakan wangi-wangian ketika mandi, suci daripada haid atau nifas."

Bagi perempuan-perempuan yang berkabung ini diwajibkan tinggal di rumah tempat kediaman mereka ketika suami meninggal sehinggalah habis waktu perkabungan tetapi jika perempuan itu merasa tidak aman tinggal di rumah itu atau kerana ia khuatir akan berlaku sesuatu yang boleh mendatangkan fitnah atau bahaya, maka bolehlah berpindah ke rumah lain yang lebih selamat. Mereka boleh keluar rumah di siang hari untuk membeli makanan atau membuat sesuatu perkara sebagai mata pencariannya. Tetapi mereka hendaklah berada di rumah kediamannya di waktu malam kecuali jika dalam darurat.

Ladang Ternakan Kerbau Batang Mitus

KE ARAH PENTERNAKAN KERBAU BERPOTENSI BAGI BEKALAN DAGING

Rencana dan gambar-gambar
Oleh: HAJI MOHAMAD SALIM

KEPERLUAN mendapatkan bekalan daging di negara kita kini nampaknya terus meningkat setiap tahun. Purata anggaran setiap seorang penduduk memerlukan bekalan daging sebanyak 4.4 kilogram dalam tahun 1980. Kebanyakan bekalan daging yang kita perolehi ialah bersumber dari ternakan yang diimport dari luar negeri. Dengan demikian adalah dianggarkan lebih 90 peratus bekalan tersebut datang dari luar negeri dan hanya 10 peratus yang diperolehi dari bekalan tempatan.

Lazimnya bekalan daging yang biasa kita perolehi dipasaran kini ialah jenis daging sapi, kerbau dan sedikit kambing. Bagaimanapun daging sapi lebih banyak dijual berbanding dengan daging kerbau dan kambing. Ini adalah disebabkan import binatang hidup kerbau untuk sembelihan dari Thailand yang berjalan sejak tahun 1971 telah dihentikan pada tahun 1974 berikutan terdapatnya kes-kes penyakit mulut dan kaki pada ternakan kerbau di negara berkenaan.

Pada tahun 1954 negara kita telah mengimport kerbau dari Sabah sebagai sumber bekalan daging dan dari Thailand pada tahun yang dinyatakan di atas. Selepas itu kerajaan telah mengalihkan sumber import binatang ternakan untuk sembelihan mulai tahun 1974 dari Australia, di mana sapi-sapi hidup telah dimasukkan. Sejak tahun tersebut bekalan daging sapi mendapat pasaran utama di seluruh negeri.



KELUASAN bilik 'paddock' yang cukup dengan bekalan rumput bermutu membolehkan kerbau-kerbau ini bergerak dengan mudah bagi membentuk kesuburan tubuh badannya.

Adalah dianggarkan purata penyembelihan sapi dan kerbau bagi pasaran daging di negara ini kini lebih 30 ekor sehari. Mengikut catatan Jabatan Pertanian jumlah kerbau, sapi dan kambing yang diimport pada tahun 1987 adalah meningkat dengan jumlah 8,600 ekor sapi, 2,300 ekor kerbau dan 280 ekor kambing.

Mengamati keadaan tersebut kita tentu bertanya berapakah jumlah kerbau, sapi atau kambing tempatan yang terlibat untuk penyembelihan bagi membekalkan sumber daging? Adalah difahamkan penternakan sapi, kerbau dan kambing di kalangan para petani atau penternak tempatan sebenarnya berada dalam jumlah yang terhad. Malah ianya agak berkurangan dan tidak mencukupi untuk membekalkan keperluan daging sejak beberapa tahun kebelakangan.

Demikian juga penternakan kerbau-kerbau tempatan kini semakin berkurangan. Hal ini dapat kita perhatikan berpunca kerana kebanyakan para petani atau penternak yang terlibat tidak menumpukan sepenuh usaha untuk menjadikan penternakan kerbau sebagai sumber pendapat utama.

Kekurangan itu juga berpunca dari jumlah ternakan yang tidak mencukupi. Kebanyak para petani atau penternak terlibat cuma menjadikan usaha berkenaan sebagai sumber pendapatan sampingan terutama untuk tujuan menjalankan kerja-kerja persawahan secara tradisional atau untuk kegunaan penyembelihan bagi majlis-majlis tertentu dalam keluarga.

Bagi penternak-penternak yang memiliki lebih puluhan ekor, kebanyakan mereka ini menjalankan penternakan secara tidak sistematik. Kerbau-kerbau dipelihara secara terbiar, berkeliaran tanpa penjagaan yang mencukupi. Ini menjadikan pertumbuhan serta pertambahan jumlah ternakan mereka tidak dapat diketahui kerana kurang kawalan.

Memandang kepada kekurangan perhatian penternakan itu tadi, pergantungan kita kepada sumber daging dari ternakan import tidak dapat dielakkan. Adalah dirasakan hal demikian lambat laun akan menimbulkan beberapa kerumitan kepada kita seperti apa yang pernah terjadi pada tahun 1974 dulu.

Sebenarnya di samping kita terpaksa mengeluarkan peruntukan yang besar bagi import berkenaan, kita juga akan terus membiarkan pengaliran keluar wang untuk keuntungan penternak-penternak luar negeri. Setentunya pergantungan berkenaan hendaklah dilihat sebagai kurang selamat, kerana kita tidak dapat mempastikan dengan jelas kesan sampingan yang mungkin dibawa oleh binatang-binatang ternakan itu terutama dari segi pencemaran penyakit binatang serta mutu daging yang dihasilkan oleh ternakan berkenaan.

Menyedari hakikat berkenaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini usaha-usaha telah dibuat oleh pihak kerajaan melalui peranan Jabatan Pertanian. Usaha tersebut antara lain bertujuan ke arah meningkatkan pengeluaran binatang-binatang tempatan bagi menampung keperluan bekalan daging. Untuk rancangan tersebut, Jabatan Pertanian telah membuka satu kawasan tanah bagi tujuan penternakan dan pembiakan pemeliharaan kerbau bertempat di Batang Mitus, Daerah Tutong.

Tahun	Penduduk	Kerbau	Sapi	Bekalan daging mentah	Pengunaan daging mentah tiap seorang
1971	136,256	3,240	$760	612	4.6
1972	141,500	3,154	166	625	4.5
1973	145,150	2,852	230	560	3.9
1974	150,050	2,202	255	262	1.6
1975	162,390	1,316	869	582	3.6
1976	177,070	873	1,499	784	4.5
1977	190,360	999	1,799	595	3.2
1978	201,260	1,151	2,804	869	4.4
1979	212,840	1,690	4,147	1,193	5.7
1980	225,920	1,501	4,260	972	4.4
1990 (anggaran)	329,000	10,940 (total)	1,763	5.5	

JUMLAH kerbau dan sapi yang disembelih dan penggunaan daging mentah pada tahun 1971-1980. Sumber dari ENEX 1981, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

TUMBUHAN rumput yang hijau dan bermutu penting sebagai bekalan permakanan ternakan kerbau dengan sempurna.

Ianya dikenali sebagai Projek Ladang Ternakan Kerbau Batang Mitus (LTKBM). Ladang tersebut telah dibuka pada tahun 1982 dan diusahakan sepenuhnya mulai tahun 1984. Pembukaan Ladang Ternakan Kerbau Batang Mitus adalah sebahagian dari perancangan yang diluluskan dalam Rancangan Kemajuan Negara Kelima yang ada sekarang. Dijangkakan ladang tersebut akan meliputi kawasan tanah seluas 400 hektar (1,000 ekar) dan pemeliharaan dijangka dalam beberapa tahun ini akan berjumlah sebanyak 200 hingga 300 ekor.

Kini projek LTKBM baru dibuka dengan keluasan 170 ekar dan menempatkan sebanyak 75 ekor kerbau termasuk anak-anak kerbau yang diimport.

Lihat muka 8



PEMANDANGAN sebuah landskap yang mengandungi pokok buah-buahan tempatan di salah sebuah kawasan projek kerajaan.

PROJEK PENANAMAN POKOK BUAH-BUAHAN

Rencana sumbangan Jabatan Pertanian

NEGARA Brunei Darussalam tergolong dalam rantau negara-negara yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan semulajadi. Iklimnya yang panas sepanjang tahun adalah sangat sesuai kepada tumbuh-tumbuhan tropika seperti buah-buahan tempatan yang boleh hidup dengan subur di merata tempat di negara ini. Tetapi dengan kepesatan bidang pembangunan yang semakin ketara, beberapa kawasan di mana adanya pokok buah-buahan ataupun terdapatnya dusun buah-buahan, telah turut terjejas di samping kerosakan oleh bencana alam ataupun keadaan pokok yang sudah tua yang tidak lagi mengeluarkan hasil.

Menyedari hakikat ini, supaya baka buah-buahan tempatan tidak akan terhapus sama sekali di negara ini, Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pertanian telah mengorak langkah untuk memperbanyakkan buah-buahan tempatan ini ditanam bukan saja seperti yang terdapat di kawasan-kawasan persendirian, di kampung-kampung, bahkan juga dihasratkan supaya di kawasan-kawasan bandar, kawasan bangunan-bangunan kerajaan dan swasta, rumah-rumah pangsa, kawasan-kawasan perpindahan kerajaan, di tepi-tepi jalan raya dan lain-lain kawasan lapang juga ditanami dengan beraneka jenis pokok buah-buahan tempatan.

Matlamat

Rancangan yang dihasratkan oleh Kementerian Pembangunan dengan usaha yang gigih oleh Jabatan Pertanian tersebut, adalah dijangka akan mendatangkan faedah jangka panjang yang akan dapat dinikmati bersama oleh rakyat dan penduduk negara ini. Penanaman pokok-pokok tersebut juga boleh dijadikan sebagai perhiasan, pelindung dan boleh mengelakkan daripada terjadinya hakisan tanah.

Dengan perancangan jangka panjang yang teratur, adalah diharapkan pokok-pokok tersebut boleh mengeluarkan hasil yang mempunyai mutu dan mendapat sambutan yang baik oleh penduduk-penduduk tempatan mahupun di pasaran antarabangsa. Dengan terdapatnya pokok buah-buahan di merata-rata kawasan lapang di sekitar bangunan-bangunan kerajaan dan juga swasta, serta projek-projek perpindahan kerajaan mahupun di tepi-tepi jalan raya, dusun buah-buahan yang terjejas oleh arus pembangunan akan dapat dilihat kembali dalam keadaan yang lebih teratur dan pengeluaran hasil yang lebih tinggi serta bermutu. Adalah diharapkan juga sumber zat permakanan akan dapat dipertingkatkan dengan orang ramai lebih mengutamakan buah-buahan tempatan. Dengan yang demikian kemasukan buah-buahan dari luar negeri juga dijangka dapat dikurangkan.

Pokok buah-buahan tempatan juga mungkin boleh dijadikan sebagai salah satu sumber pembelajaran yang diperlukan oleh generasi-generasi yang akan datang dan mendorong ke arah mengenali dan menggemari buah-buahan dari negara mereka sendiri.

Perlaksanaan Projek

Adalah menjadi hasrat Kementerian Pembangunan supaya mana-mana kawasan yang difikirkan bersesuaian akan dimajukan dan ditanam dengan pokok buah-buahan. Keadaan alam sekitar akan bertukar wajah dan lebih-lebih lagi apabila pokok-pokok tersebut akan mengeluarkan hasil atau apabila tiba musim buah-buahan.

Buah-buahan tempatan seperti kembayau, binjai, belunu, membangan, santol, pengelaban, asam aur-aur dan sebagainya adalah semakin berkurangan pengeluarannya. Orang ramai seharusnya mengambil perhatian sebelum melakukan sesuatu pemusnahan terhadap apa jua jenis buah-buahan agar baka keturunan buah-buahan tersebut tidak hapus sama sekali.

Sejak awal tahun 1987 sebanyak 31 kawasan projek yang melibatkan tidak kurang dari 6,000 pokok buah-buahan telah dikenalpasti untuk dimajukan. Dari jumlah di atas kawasan-kawasan yang disebutkan di bawah ini telah pun ditanami dengan pokok buah-buahan seperti tarap, cempedak, nangka, petai, durian, rambutan, langsat, limau manis dan lain-lain:

* Pejabat Daerah Brunei/Muara, Pejabat Pertanian dan Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama Berakas.
* Bangunan-bangunan kerajaan Kuala Belait.
* Sekitar pejabat-pejabat kerajaan (Kementerian Pembangunan, Pelajaran, Elektrik dan lain-lain) Lapangan Terbang Lama Berakas.
* Rumah pangsa kerajaan, Lapangan Terbang Lama Berakas.
* Perumahan kerajaan Kampong Kiarong.
* Perumahan kerajaan Anggerek Desa, Jalan Berakas, I, II, dan III.

  Perumahan Gurkha, Jalan Berakas.
* Sekitar jalan masuk ke Stadium Hassanal Bolkiah Negara.
* Sekitar Sungai Gadong.
* Hutan Simpanan Sungai Liang.
* Perpindahan Kampong Serasa.
* Perpindahan Kampong Mata-Mata.
* Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala kawasan-kawasan berikut adalah sedang dalam perlaksanaan :

* Ibu Pejabat Polis dan sekitarnya.
* Pusat Bimbingan dan Latihan Pekerjaan Kampong Pulaie, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan.
* Perumahan Gadong Village.
* Perumahan Gurkha, Jalan Sungai Akar.
* Jalan Berakas Link — jalan menuju ke pejabat-pejabat kerajaan Lapangan Terbang Lama, Berakas.
* Jalan Rakis/Jalan Bahagia.

Kebanyakan dari pengendalian rancangan tersebut adalah melibatkan pihak yang tertentu, seperti.

* Jabatan Pertanian
  — Kerja-kerja dalaman (in-house)
  — Berkontrak
  — Gotong-royong
  — Kempen
* Lain-lain jabatan dan institusi-institusi.
* Pihak-pihak swasta.
* Orang-orang perseorangan.

Tanggungjawab

Tumbuh-tumbuhan semulajadi yang hidup menghijau di merata-rata kawasan di seluruh negara ini, harus kita pertahankan dari dicemari oleh kegiatan-kegiatan yang tidak sihat demi untuk mewujudkan alam persekitaran yang bersih dan cantik.

Usaha ke arah ini sedang diungkayahkan dan akan terus dipertimbangkan perkembangannya dengan pengolahan landscap yang menarik dengan dihiasi oleh pokok-pokok hiasan dan juga pokok buah-buahan. Setiap individu adalah digalakkan untuk memberikan sumbangan ke arah hasrat membisaikan keadaan sekeliling negara yang kecil dan harmoni ini.

Mengambil peranan dan melibatkan diri dalam usaha usaha penanaman pokok buah-buahan seperti yang dihasratkan di atas adalah merupakan satu sumbangan yang amat berharga dan dijadikan sebagai satu kegiatan untuk membiasakan diri ke arah menyintai buah-buahan tempatan dan persekitaran yang menghijau.

Lihat muka 8



KAWASAN lapang di sekitar bangunan-bangunan kerajaan juga ditumpukan dengan projek penanaman pokok buah-buahan.

KEBISAIAN pohon kelapa ini telah menjadi cacat akibat perbuatan si pugut yang tidak tahu menilai keindahan alam persekitaran.

Ladang ternakan kerbau Batang Mitus

Dari muka 6

LTKBM dikendalikan sepenuhnya di bawah pengawasan Bahagian Unit Ternakan Ruminan, Jabatan Pertanian. Menurut Pegawai Pertanian yang juga ketua unit berkenaan menjelaskan projek berkenaan tersebut dimatlamatkan bagi meningkatkan pengeluaran ternakan kerbau yang berpotensi bagi bekalan daging tempatan pada masa akan datang.

Katanya dengan perlaksanaan projek itu usaha-usaha akan terus ditingkatkan bagi memajukan penghasilan ladang ternakan kerbau di kalangan penternak-penternak tempatan.

Untuk mencapai matlamat itu juga katanya, LTKBM buat masa ini akan berfungsi sebagai perintis ke arah mengkesankan teknik-teknik penternakan kerbau secara bersistem dan ianya akan dijadikan contoh kepada lain-lain penternak di negara ini yang ingin memajukan bidang ternakan mereka pada masa akan datang.

Menurutnya, LTKBM telah memasukkan sejumlah kerbau yang diimport dari Australia kira-kira dalam tahun 1984 untuk tujuan-tujuan pembiakan dan penyelidikan.

Dalam pada itu ujarnya, perhatian serta penelitian sentiasa diberikan ke atas perkembangan setiap ekor kerbau berkenaan dari segi kemampuannya untuk mencapai matlamat sebagai sumber membekal daging yang baik dan bermutu.

Pemeliharaan kerbau-kerbau tersebut jelas Pegawai Pertanian, dilaksanakan secara bersistem. Kini kerbau-kerbau itu dibahagikan kepada dua kumpulan yang setiap satunya berjumlah kira-kira 35 ekor.

Kerbau-kerbau tersebut dilepaskan ke dalam ladang yang telah di bilik-bilik 'paddock'. Tiap-tiap bilik mempunyai bekalan rumput yang sedia ditanam. Rumput-rumput tersebut adalah dari jenis bermutu tinggi seperti Mardi, Para, dan sebagainya. Kini LTKBM menyediakan 11 bilik ternakan kerbau.

Menurut Pegawai Pertanian tersebut pusingan tempoh kerbau-kerbau itu dilepaskan ke dalam setiap bilik ialah sekitar tiga minggu. Ini bertujuan bagi membolehkan kerbau-kerbau itu memperolehi bekalan rumput yang mencukupi di dalam setiap bilik yang ada. Selepas itu ternakan itu akan dimasukkan ke dalam bilik lain yang sudah ditumbuhi rumput. Dengan peralihan bilik itu, ternakan memperolehi bekalan rumput yang baru tumbuh, sementara bilik yang telah dikosongkan akan berupaya mengeluarkan pucuk-pucuk rumput tumbuh dengan subur.

Di samping bekalan-bekalan rumput yang sedia ada, pada setiap bilik yang dimasuki oleh ternakan berkenaan akan disediakan tangki-tangki air untuk kegunaan minuman. Pondok-pondok untuk menyimpan garam gilat juga disediakan. Ini bertujuan bagi membekalkan zat-zat galian yang diperlukan untuk pertumbuhan tubuh badan kerbau-kerbau tersebut. Garam gilat yang diberikan itu juga berguna untuk mengelakkan ternakan berkenaan dari mengidapi penyakit-penyakit tertentu.

Beliau seterusnya memberitahu LTKBM kini telah pun membiakkan beberapa ekor anak-anak kerbau. Sebahagian anak-anak kerbau tersebut telah pun dijual kepada beberapa orang penternak dan yang lainnya dipelihara untuk tujuan-tujuan penyelidikan dan pembiakan baka yang baik dengan harga $3.35 sekilo timbang hidup.

Beliau berharap di samping ladang berkenaan membiakkan baka kerbau yang sedia ada, pihaknya juga berhasrat untuk menghasilkan benih-benih kacukan dengan kerbau-kerbau tempatan. Ini bertujuan untuk melihat perkembangan baru yang mungkin dapat diwujudkan, apakah dengan jalan itu kerbau-kerbau yang bakal dihasilkan nanti akan lebih berpotensi untuk sumber bekalan daging atau sebaliknya.

Menyentuh pengawasan ladang berkenaan beliau berkata, LTKBM kini diusahakan oleh seseorang pengurus ladang, tiga orang pembantu ladang dan 18 orang pekerja ladang. Semua kakitangan yang ada bertugas untuk penjagaan pemeliharaan kawasan, memagar, menanam rumput, membuka kawasan baru serta lain-lain pengawasan yang berkaitan dengan pemeliharaan kerbau.

Dengan adanya langkah-langkah yang dilaksanakan melalui projek LTKBM itu, beliau juga berharap usaha-usaha untuk meningkatkan penghasilan ternakan kerbau yang mencukupi bagi sumber bekalan daging akan dapat dicapai secara berperingkat-peringkat. Untuk kejayaan itu juga usaha menyeluruh dan bersepadu penternak-penternak tempatan digalakkan dan diperlukan.

Menyentuh tentang pengimportan sapi yang suatu masa dulu dilakukan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Setor dan Pembekalan Negara dan Jabatan Pertanian, beliau berkata kerja-kerja import berkenaan kini telah dijalankan oleh pihak swasta. Sebanyak tiga buah syarikat swasta telah diberikan lesen kebenaran import binatang-binatang ternakan untuk sembelihan sejak beberapa tahun lalu.

Menurutnya pada tahun 1987, ketiga-tiga syarikat terlibat telah mengimport sebanyak 37 konsignasi ternakan hidup dengan jumlah 8,600 ekor sapi, 2,300 ekor kerbau dan 280 ekor kambing. Kesemua ternakan diimport dari Kawasan Utara Australia menerusi pengangkutan kapal laut.

Kita percaya menerusi projek ini juga nanti kegiatan pihak-pihak tertentu mengimport bekalan daging sedia bersembelih yang ada dipasaran akan dapat dikurangkan dan digantikan dengan bekalan daging sembelihan tempatan. Menerusi ini Pusat Penyembelihan Binatang-binatang Ternakan yang disediakan oleh kerajaan bertempat di Kampong Mulaut akan lebih berfungsi dan menjadi sumber pengeluaran bekalan daging sembelihan yang ditanggung halal.



MELALUI penghiduannya, kerbau-kerbau begitu sensitif apabila dihampiri oleh seseorang. Kerbau-kerbau akan begitu jinak apabila menerima bau tubuh badan orang-orang yang biasa menghampirinya. Kelihatan kerbau-kerbau ini seolah-olah marah dan bengis apabila dihampiri untuk diambil gambar.

SELAIN dari ternakan kerbau, (gambar atas) bekalan daging yang bersumber dari ternakan sapi adalah juga mendapat pasaran utama di negara ini.

KERBAU-KERBAU yang tiada terurus dan diberi kawalan yang mencukupi sering berkeliaran dari satu tempat ke satu tempat yang lain bagi mendapatkan bekalan makanan rumput.

Dari muka 7

Begitu juga dalam menjaga keselamatan pokok-pokok yang ditanam di kawasan-kawasan yang tertentu baik yang berhampiran dengan rumah ataupun di mana-mana saja, adalah menjadi tanggungjawab kepada kita semua supaya ianya tidak dicemari dengan perangai perosak dan mencacatkan pandangan mata. Hasrat yang ditanam oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu juga adalah hasrat kita sebagai rakyat dan penduduk yang cintakan kedamaian, hidup mewah, harmoni dan dikelilingi oleh persekitaran alam yang bersih lagi indah.

Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib masih dikekalkan

JALAN RESIDENCY. — Kementerian Pelajaran masih mengekalkan dasar am mata pelajaran Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang wajib dipelajari di sekolah-sekolah rendah sehinggalah ke tingkatan enam, demikian dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad di majlis penutup dan penyampaian sijil Bengkel Sastera Melayu Klasik Brunei di Rumah Universiti di sini.

Dasar itu juga menyatakan mata pelajaran Bahasa Melayu diwajibkan lulus di peringkat PCE, BJCE dan sekurang-kurangnya kredit di peringkat GCE "O" bagi mereka untuk meneruskan pelajaran mereka di kelas tingkatan enam dan untuk mendapatkan dermasiswa dalam dan luar negeri.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak juga menerangkan dasar Dwi Bahasa di sistem pelajaran negara. Dasar itu jelas Dato Paduka, bukanlah bertujuan untuk membelakangkan kepentingan Bahasa Melayu malahan bertujuan untuk meluaskan keagungan bahasa itu dan merupakan jiwa bangsa dan identiti negara.

Di samping itu, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak menekankan tiga perkara yang harus diingati oleh guru-guru, pensyarah-pensyarah dan pejuang bahasa dan sastera iaitu:

Pertama : Mengajak guru-guru, pensyarah-pensyarah bahasa dan sastera untuk terus menulis apa jua jenis buku untuk bacaan am dan buku-buku teks tempatan yang masih banyak kekurangan di sekolah-sekolah.

Kedua : Mempelawa guru-guru untuk menggiatkan aktiviti-aktiviti bacaan di semua peringkat sekolah supaya budaya membaca dapat diperluaskan semula.

Ketiga : Guru-guru sastera diminta memberi ulasan, pandangan-pandangan dan cadangan terhadap kandungan mata pelajaran Bahasa Melayu dari sekolah rendah sehingga tingkatan enam dan penggunaan buku-buku sastera, teks am dan tambahan supaya buku bahasa dan sastera lebih bermutu dan relevan dalam pembentukan satu negara dan bangsa Brunei yang merdeka lagi berdaulat.

Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak meminta semua golongan masyarakat di negara ini sentiasa membaca karya sastera lama, menikmatinya di samping membandingi kata-kata pujangga kerana mereka ini telah menambahkan kumpulan perbendaharaan bacaan.

Bengkel Sastera Melayu Brunei Klasik telah dihadiri oleh hampir 70 orang mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Sejarah Brunei yang bermula pada 13 Mac lepas.

Bengkel tersebut antara lain berhasrat untuk mencungkil bahasa sastera Melayu Brunei Klasik yang terkumpul bahannya yang belum pernah tersiar dan diungkit oleh pengkaji-pengkaji sastera.

Melalui bengkel itu, mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam yang 'major' dalam bahasa dan sastera telah dapat mengetengahkan manuskrip-manuskrip bahasa dan sastera Melayu Brunei Klasik dijadikan sebagai penyelidikan yang terperinci.



DATO Paduka Awang Haji Abdul Razak, Setiausaha Tetap Kementerian Pelajaran menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta Bengkel Sastera Melayu Brunei Klasik bertempat di Rumah Universiti, Jalan Residency. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Jauhkan diri dari terlibat parti politik

BANDAR SERI BEGAWAN 10 Mac. — Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani, berkata, para pelajar mestilah menjauhkan diri dari unsur-unsur atau pengaruh jahat seperti terlibat dengan parti politik, perbuatan pugut dan menyalahgunakan dadah.

Pengiran Badaruddin berkata demikian memandangkan sifat-sifat negatif seperti ini bukan sahaja akan membahayakan, tetapi ianya boleh memecah-belahkan keharmonian hidup dan menghancurkan kebahagiaan yang dinikmati sekarang.

"Para pelajar mestilah menjauhkan diri dari unsur-unsur atau pengaruh jahat yang boleh memecah-belahkan keharmonian hidup dan menghancurkan kehidupan bahagia yang sama-sama kita nikmati ketika ini seperti menjauhkan diri dari terlibat dengan parti politik, perbuatan pugut, penyalahgunaan dadah yang merbahaya," katanya kepada 30 pelajar dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah yang mengadakan lawatan sivik ke Jabatan Penerangan pada Khamis lalu.

Menurut beliau, dalam usaha kita mencepatkan perkembangan ekonomi dan kemajuan negara, apa yang penting ialah para pelajar hendaklah menumpukan sepenuh masa dan perhatian di bidang pelajaran dan akademik bagi melengkapkan diri mereka menjadi golongan teknokrat dan profesional yang diperlukan oleh negara.

Di samping itu Pengarah Penyiaran dan Penerangan juga menyeru para pelajar agar mendalami ilmu pengetahuan dan pengalaman masing-masing mengenai rantau ASEAN sebagai rantau yang aman, berkecuali lagi penuh merdeka.

Terdahulu dari itu para pelawat mendengarkan taklimat berkenaan dengan fungsi dan struktur Jabatan Penerangan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di bilik taklimat jabatan ini.

Kemudiannya mereka dibawa melawat ke kompleks Radio dan Televisyen Brunei bagi meninjau lebih dekat lagi akan fungsi Bahagian Penyiaran.

Berusaha dapatkan buku-buku untuk penuntut

BANDAR SERI BEGAWAN. 15 Mac. — Penolong Pengarah (Menengah dan Tingkatan Enam), Pengiran Rahmah Pg Haji Jadid menggesa pengetua-pengetua dan guru-guru berusaha mendapatkan buku-buku yang diminati oleh penuntut-penuntut, bukan semata-mata bersandarkan buku-buku atau alatan percuma dari kerajaan.

Berucap semasa merasmikan Pelancaran Bulan Bahasa dan Kempen Membaca, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (MSOAS) di sini seterusnya menyeru agar penuntut-penuntut sama-sama berusaha mendisiplinkan diri masing-masing dengan berdikari bagi kepentingan sendiri.

Mereka jelasnya, harus disedarkan bahawa mereka tidak sentiasa beruntung, bernasib baik mendapatkan kemudahan-kemudahan dengan percuma.

Dalam pada itu beliau juga menyeru ibu bapa sama-sama bekerjasama mengambil peranan dan tanggungjawab dengan memberikan bantuan seperti membelikan buku-buku yang kemudiannya akan dapat disumbangkan oleh penuntut kepada kutubkhanah selepas membaca.

Menurutnya dengan cara itu ibu bapa dapat bekerjasama dengan guru-guru dan komiti maktab, melatih mendisiplinkan penuntut untuk berdikari, bekerjasama sayangkan harta benda, tidak menjadi pemugut, kerana dengan cara itu akan dapat melatih penuntut-penuntut dan anak-anak dalam meluaskan pengetahuan.

Sehubungan dengan itu beliau berseru kepada ibu bapa memikul tanggungjawab pendidikan kerana pendidikan tidak terhad kepada lingkungan bilik darjah sahaja.

Hari Terbuka Pusat Latihan Mekanik

GADONG 14 Mac. — Pusat Latihan Mekanik Jentera Berat di Kampong Tungku telah mengadakan Hari Terbuka bagi kunjungan orang ramai selama sehari pada hari Isnin lepas.

Pada hari itu, pusat tersebut telah dibanjiri oleh berbagai lapisan masyarakat terutama kanak-kanak sekolah. Mereka dapat menyaksikan lebih dekat lagi kegiatan, kemudahan serta jenis-jenis latihan yang dikendalikan di pusat itu, di samping itu juga mereka dapat berbual mesra dan bertukar-tukar fikiran dengan pengajar dan penuntut di pusat itu.

Seperti juga di pusat-pusat latihan dan vokasional yang lain di negara ini, pusat tersebut juga menyediakan berbagai sukatan mata pelajaran yang bersangkut-paut dengan jentera seperti Asas Kejuruteraan (Basic Engineering), Mengimpal (Welding), Pelajaran Perhubungan dan Pengurusan (Communication dan Management Studies) dan lain-lain lagi. Di samping itu juga pusat tersebut juga menyediakan berbagai-bagai kemudahan dan keperluan kepada penuntut-penuntutnya seperti elaun bulanan, buku-buku teks, pakaian seragam, tempat tinggal dan sebagainya.

Pusat tersebut telah dibina pada bulan Ogos 1985 dan siap pada bulan November di tahun yang sama atas tajaan pihak Kerajaan Jepun melalui Mitsubishi Co-operation yang mana diperkenankan dan atas persetujuan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sementara penyerahan rasmi bangunan itu telah diadakan pada 24 Februari 1986 daripada Perbadanan Mitsubishi kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, iaitu Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz yang kini menjadi Menteri Perhubungan.

Pengambilan pertama bagi penuntut di pusat itu telah diadakan pada 7 Disember, 1985 yang terdiri daripada kakitangan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pertanian.

Pengambilan pertama ini mengandungi seramai 16 orang penuntut yang mengambil kursus sambilan. Sementara pengambilan kedua telah dilakukan pada 1 Julai 1986 di mana 15 orang penuntut diambil bagi mengikuti kursus sepenuh masa. Manakala pengambilan ketiga akan dilakukan pada bulan Ogos tahun ini.

Adapun tenaga pengajarnya terdiri dari tiga orang pakar dari Negara Jepun. Pakar-pakar ini merupakan sumbangan daripada JICA (Japan International Co-Operative Agency) dan empat orang lagi terdiri dari anak tempatan.

Tenaga-tenaga pengajar tempatan ini telah dihantar ke Negara Jepun pada bulan April, 1985 bagi mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan di sana dan juga tugas-tugas mereka ialah menentukan kurikulum serta persediaan-persediaan pengajaran, menyediakan buku-buku panduan mengajar, mengulangkaji kurikulum dan menyediakan buku-buku teks.

Penubuhan pusat ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu pelajaran di bidang teknikal dan vokasional selaras dengan kepesatan pergerakan arus teknologi moden hari ini. Di samping itu juga bagi melatih dan membimbing anak-anak tempatan khususnya dalam bidang mekanik dan pemeliharaan jentera-jentera berat amnya.

Khatamal Quran

JALAN TUTONG 5 Mac. — Seramai 125 orang penuntut lelaki dan perempuan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan telah mengadakan majlis Khatamal Al-Quran di sini.

Tetamu kehormat bagi penuntut lelaki ialah Pengarah Pengajian Islam, Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim manakala isterinya telah menjadi tetamu kehormat bagi majlis Khatamal Quran bagi penuntut-penuntut perempuan.

Dari muka 1

Mariam, yang juga selaku Penaung KACA, telah berkenan menyaksikan pameran hasil kerjatangan kanak-kanak cacat.

Berangkat sama ke majlis tersebut ialah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Bini Mazuin dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

KACA ditubuhkan pada tahun 1986 dengan tujuan antara lain untuk meningkatkan kebajikan kanak-kanak cacat yang di dalam lingkungan pra-sekolah yang tidak bersekolah atau tidak pernah menghadiri sebarang latihan-latihan dan bimbingan secara formal tanpa mengira masa.

Di samping itu ianya juga untuk membaiki di segi kemasyarakatan (komiti) dalam bidang penjagaan kanak-kanak yang mempunyai kehendak-kehendak (special needs) dan juga keluarga mereka. Menentukan dengan tepat keperluan-keperluan kanak-kanak ini seboleh-bolehnya pada peringkat awal kehidupan kanak-kanak dan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang sewajarnya kepada mereka sama ada dari segi perubatan, sosial dan pelajaran dan sebagainya.



DATO Paduka Awang Haji Selamat, Timbalan Menteri Pembangunan menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang peraduan.

Lantikan baru jawatankuasa ASTERAWANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Ahli-ahli Persatuan ASTERAWANI telah bersetuju sekali lagi melantik Awang Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid menjadi Ketua I ASTERAWANI bagi musim persidangannya ke-26 pada 16 Mac lepas di Balai Pameran DBP di sini.

Perlantikannya telah mendapat undi yang majoriti dari ahli-ahli sidang. Awang Haji Ahmad bin Hussain juga mengekalkan kedudukannya sebagai Ketua II ASTERAWANI.

Sidang hari itu juga memutuskan Awang bin Pawi menjadi Setiausaha I manakala Awang Jawawi bin Haji Ahmad menjadi Setiausaha II. Jawatan "Bendahari" dikembalikan semula kepada Awang Mohammad Hussain bin Bakar manakala Awang Haji Rais bin Haji Banih pertama kalinya memegang jawatan "Bendahari II".

Majlis pada hari itu bersetuju melantik sembilan orang ahli jawatankuasa tadbir ASTERAWANI. Mereka ialah Dayang Halimah binti Yaman, Awang Muslim bin Haji Burut, Awang Abdul Hamid Abbas, Awang Alimin bin Haji Abdul Hamid, Dk. Fatimah binti Pengiran Haji Mohammad Noor, Dayang Hajjah Hasnah binti Haji Abbas, Awang Isa bin Haji Shahminan, Awang Haji Hambali bin Haji Tengah dan Awang Haji Shawal bin Rejab.

Kempen bulan bahasa

BANDAR SERI BEGAWAN 15 Mac. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (MSOAS) baru-baru ini telah melancarkan kempen bulan bahasa dan kempen membaca Bahasa Melayu dan Inggeris selama sebulan.

Kempen bahasa Melayu bermula pada 15 hingga 26 Mac ini, sementara kempen bahasa Inggeris pula akan bermula pada 30 hingga 14 April depan.

Kedua-dua kempen itu akan menumpukan mengenai perkembangan bahasa, pertandingan bahas, peraduan menulis esei, dan syarahan bahasa, manakala kempen bahasa Inggeris antara lain akan memusatkan peraduan mengarang, projek membaca dan pertandingan bahas.

Menurut Pengetua MSOAS, Haji Mohd. Noor Chuchu, kempen tersebut bertujuan untuk meluaskan penggunaan kedua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu.

Selain daripada itu katanya, kempen berkenaan merupakan lanjutan daripada kempen minggu bahasa yang dilancarkan pada tahun ini.

ASTERAWANI PATUT KUKUH KEPADATAN ORGANISASI

Oleh: Dk. Fatimah PHMN

BANDAR SERI BEGAWAN 16 Mac. — ASTERAWANI patutlah berusaha membincangkan rancangan-rancangan dan kegiatan-kegiatan masa depannya ke arah memperkukuhkan kepadatan organisasinya dan kekuatan sumber-sumber kewangannya.

Timbalan Menteri Pembangunan Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Munap melahirkan hasrat demikian ketika berucap merasmikan persidangan tahunan persatuan ASTERAWANI ke-26 1988/1988 dan penyampaian hadiah peraduan Menulis Antologi Puisi di Balai Pameran DBP di sini.

Ke arah itu ahli-ahli ASTERAWANI mestilah bersikap realist meskipun kita berazam hidup untuk seni, namun kita mahukan ASTERAWANI ini berkembang dengan pesatnya dan seterusnya bergelora dengan pencapaian potensinya yang selama ini diharap-harapkan oleh ahli-ahlinya, tegas Dato Paduka Awang Haji Selamat.

Tetapi dalam konteks sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang baru mencapai kemerdekaannya ASTERAWANI mempunyai peranan yang lebih penting dalam memikul tanggung-jawabnya berdasarkan kepada tujuan-tujuan penubuhan badan ini serta langkah dan kegiatan yang sudah digariskan.

"Dengan cabaran-cabaran yang semakin hebat itu badan ini perlu memperkukuhkan ketahanan organisasi dan kewangannya ibarat sebuah bahtera yang lengkap dengan serba serbinya yang sentiasa mara ke hadapan biar apa pun keadaan — ombak, angin dan ribut di samudera yang meluas dan berbahaya," kata Dato Paduka lagi.

Dato Paduka Awang Haji Selamat telah menggariskan beberapa proposisi dan soalan kepada ASTERAWANI dalam menghadapi cabaran-cabaran demi masa depannya. Antaranya kesusasteraan dan cabang-cabang seni mempunyai saling perhubungan dengan memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Negara Brunei Darussalam mempunyai nilai-nilai sosio-budaya yang unik di rantau ini, bagaimanakah sasterawan dan sasterawani di negara ini meluaskan "universal appeal" nilai-nilai yang unik sambil memelihara daripada ianya terancam oleh nilai-nilai luar yang negatif.

Setakat manakah sasterawan dan sasterawani di negara ini membantu perkembangan ekonominya dan di dalam pada itu memperolehi kejayaan dan keuntungan pula di samping memelihara dan menjaga nilai sosio-budaya yang kita warisi dari nenek moyang kita?.

Dato Paduka Awang Haji Selamat seterusnya menyampaikan Anugerah Kerabat Setia ASTERAWANI kepada tiga orang ahli persatuan yang aktif dan dedikasi. Mereka ialah Awang Hussain bin Bakar, Awang Haji Rais bin Banih dan Dayang Halimah binti Yaman.

Majlis pada hari itu juga diselajurkan dengan penyampaian hadiah peraduan Menulis Antologi Puisi. Pemenang pertama ialah Awang Hamzah bin Suhaili. Peserta yang menerima sagu hati ialah Awang Alimin bin Haji Abdul Hamid, Abdul Awang Jawawi bin Haji Ahmad dan Awang Mohammad Shahri bin Pehin Orang Kaya Jawatan Luar Adat Istiadat Diraja Awang Haji Hussin.

Pemenang pertama telah menerima wang tunai sebanyak $4,000.00 yang disumbangkan oleh sebuah syarikat kereta yang terkenal di negara ini.

Pada sebelah malamnya, ASTERAWANI mengadakan Malam Puisi Islam dengan penyair jemputan Profesor Dr. Muhammad Abdul Jabar Beg dari Universiti Brunei Darussalam.

Malam Puisi Islam adalah sempena sambutan Israk Mikraj. Penyair yang diundang malam itu termasuklah Awang Jawawi, Awang Hussain bin Bakar, Azura dan Awang Alimin Haji Abdul Hamid atau lebih dikenali dengan Norhaimen.

Turut hadir ialah Penasihat ASTERAWANI, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani.

Menambah ilmu pengetahuan jalan yang dituntut

GADONG. 14 Mac. — Pengarah Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned berkata, menambah pengetahuan itu satu jalan yang dituntut yang boleh dicapai hanya dengan cara belajar.

Berucap selaku Pengerusi Jawatankuasa Seminar Pegawai-pegawai masjid seluruh negara di perasmian seminar berkenaan di Perkampungan Gadong, Yang Dimuliakan Pehin memetik kata-kata pengarang kitab 'Al-Qawanin As Syariah :

"Didapat pengetahuan itu adalah dengan belajar daripada guru-guru yang benar-benar mengerti. Ia tidak dapat membeli kitab-kitab saja (dengan tiada belajar)".

YDM Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Abd. Aziz.

Kerana itu, Yang Dimuliakan Pehin berkata langkah mengadakan seminar itu adalah tepat dan betul menurut kacamata agama.

"Ilmu itu dihayati dengan terus belajar walaupun kita sudah tahu sesuatu perkara itu. Belajar itu zikir yang mendekatkan kepada fahaman dan fahaman pula mendekatkan kepada keyakinan. Sementara keyakinan mendekatkan kepada amalan," jelasnya.

Tegas Yang Dimuliakan Pehin punca semua itu iaitu punca fahaman, keyakinan dan amalan ialah belajar. Sebab itu menurut Yang Dimuliakan Pehin bila kita melihat tradisi ulama, mereka belajar membaca, menulis dan beramal yang menjadikan amalan-amalan mereka itu mantap melalui cara atau jalan-jalan yang disebutkan.

"Semua ini mestilah dijadikan pegangan dan sikap oleh orang-orang berilmu. Saya selalu menegaskan bahawa para imam adalah orang-orang berpengetahuan. Walaupun tingkat pengetahuan mereka itu tidak sama atau mungkin tidak banyak tetapi ada dan yang penting juga mereka itu beramal dengan ilmu yang ada pada mereka," kata yang Dimuliakan Pehin.

Menurut yang Dimuliakan Pehin lagi Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis Baginda yang bermaksud: "Ilmu yang sedikit tetapi diamalkan dengan berterusan adalah lebih baik daripada ilmu yang banyak tetapi tidak diamalkan"

Dalam hadis sebuah yang lain Baginda bersabda, "Manusia yang lebih sangat siksanya pada hari kiamat ialah orang alim yang tiada memberi guna ilmu yakni tiada diamalkan ilmu."

"Maka dalam hubungan ini kita cukup tahu dan mengerti bahawa imam-imam kita adalah orang-orang yang berpengetahuan sederhana ataupun juga sedikit tetapi beramal dengan ilmu mereka itu," tegas yang Dimuliakan Pehin.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

RABU 23 Mac.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ADVENTURES OF THE LITTLE KOALA
5.00 BUTTERFLY ISLAND : "Dog On The Loose"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 THE COSBY SHOW
6.20 A LITTLE PRINCESS (Siri baru) Drama keluarga yang dipadankan dari sebuah novel karya Frances Hodgson Burnett mengisahkan kisah hidup seorang budak perempuan bernama Sara. Ia menceritakan kesenangan dan kesusahan, kemuliaan dan kehinaan dan juga kegembiraan dan penderitaan yang Sara alami. Walaupun demikian ia tetap mengingati bahawa dirinya adalah seorang puteri yang dikasihi oleh ayahnya.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.47 A LITTLE PRINCESS—sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 FAMILY TIES : "High School Confidential"
7.40 AZAN ISYAK
7.45 FAMILY TIES — sambungan
8.05 RAGS TO RICHES : "In The Key Of Sea"
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.30 LIPUTAN NASIONAL
10.00 ROAD TO WEMBLEY
11.00 DYNASTY : "The Fair"
Sean mengancam memerasugut Dana kecuali ia mahu menolong mengumpulkan maklumat mengenai keluarga Carrnigton. Fallon menuntut cerai dari Jeff. Sementara itu Alexis membuka rahsia skimnya terhadap Blake dengan menunjukkan satu potongan filem palsu di mana Blake berada di rumah pelacur.
11.50 DOA PENUTUP SIARAN
12.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 24 Mac.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 DANGER BAY : "Grace Under Pressure"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 DANGER BAY — sambungan
6.00 YOUNG UNIVERSE
6.25 SYARAHAN AGAMA
6.31 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.46 YOUNG UNIVERSE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 PENINGKATAN PRESTASI DAN PRODUKTIVITI KAKITANGAN AWAM
7.40 AZAN ISYAK
7.45 PENINGKATAN PRESTASI DAN PRODUKTIVITI KAKITANGAN AWAM — sambungan
8.05 HUNTER : "Hot Pursuit" Bhg I
Semasa menyiasat satu kejadian pembunuhan, Dee Dee telah ditembak yang memungkinkannya menjadi lumpuh setelah mendapati satu rangkaian pelacuran beroperasi di sepanjang lebuh raya dengan menggunakan beberapa buah kereta.
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 DUNIA MINGGU INI
10.25 CRIME STORY
11.15 TAYANGAN GAMBAR : "Slightly Scarlet"
12.40 DOA PENUTUP SIARAN
12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 25 Mac.

TENGAH HARI

12.02 AL-QURAN
12.10 SUSUNAN RANCANGAN
12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
12.25 HIDAYAT — ulangan
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.50 HIDAYAT — sambungan

PETANG

1.00 STRANGERS ABROAD
1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
2.15 SUKAN DUNIA
3.15 MASK
3.33 AZAN ASAR
3.49 AL-KISAH : "Cerita Mat Jenin"
4.05 CAREBEARS : "The Cloud Of Uncaring"
4.30 THE MIND OF DAVID BERGLAS: "Christoper Lee"
5.15 MARI BELAJAR MENGAJI (Siri baru)
5.35 ONLY FOOLS AND HORSES : "The Second Time Around"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ONLY FOOLS AND HORSES — sambungan
6.15 COMMUNICATION
6.31 AZAN MAGHRIB
6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.46 COMMUNICATION — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 REKASENI
7.40 AZAN ISYAK
7.45 REKASENI — sambungan
8.05 MACGYVER : "GX–1"
Semasa bertugas di Jerman Timur untuk memusnahkan sebuah jet rahsia yang terhempas di sana, MacGyver membantu seorang perisik Russia yang terkenal yang berhasrat untuk berpaling tadah.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
10.25 THE NEW MIKE HAMMER : "Dead Pigeon"
11.25 DOA PENUTUP SIARAN
11.55 SIARAN TAMAT.

SABTU 26 Mac.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 WORLD OF SURVIVAL : "Bay Of Fundy"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TOGETHER: WE STAND : "I Never Danced With My Mother"
6.15 MY LITTLE PONY AND FRIENDS
6.30 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.45 MY LITTLE PONY AND FRIENDS —sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 PERFECT STRANGERS : "Two Men In A Cradle"
7.40 AZAN ISYAK
7.45 PERFECT STRANGERS — sambungan
8.05 THE FLYING DOCTORS
9.00 WARTA BERITA
9.25 DARI STUDIO SATU
11.25 TAYANGAN GAMBAR MELAYU
11.55 TOP OF THE POPS
12.25 DOA PENUTUP SIARAN
12.35 SIARAN TAMAT.

AHAD 27 Mac.

PAGI

9.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
9.02 AL-QURAN
9.12 SUSUNAN RANCANGAN
9.15 MICKEY AND DONALD
9.40 THE ADVENTURES OF JEREMY/ COLARGOL
10.00 RAMPAI PAGI
11.00 TAYANGAN GAMBAR : "Pearl Of South Pacific"

TENGAH HARI

12.00 BERITA TENGAH HARI
12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
12.28 AZAN ZUHUR
12.32 TAYANGAN GAMBAR — sambungan

PETANG

1.00 MUSICAL : TUBE V MTV COMPILATION
1.50 BIG LEAGUE SOCCER
2.50 TAYANGAN GAMBAR : "Detective Sadie And Son"
Debbie Reynolds, memegang watak seorang penyiasat yang menjejaki seorang pembunuh yang membunuh di landasan keretapi bawah tanah. Brian McNamara berlakon sebagai anaknya juga rakannya dalam memburu penjenayah-penjenayah.
3.31 AZAN ASAR
3.36 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
4.25 SILVERHAWKS : "The Bounty Hunter Return"
4.45 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 GILLETTE WORLD SPORTS SPECIAL — sambungan
5.55 CENTURIONS : "To Dare Dominion" Bhg 2
6.20 ONE BIG FAMILY : "Brains Law"
6.30 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.45 ONE BIG FAMILY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 CAPTAIN POWER AND THE SOLDIERS OF THE FUTURE
7.39 AZAN ISYAK
7.44 CAPTAIN POWER AND THE SOLDIERS OF THE FUTURE — sambungan
8.05 OUR HOUSE : "Sunday's Hero"
9.00 WARTA BERITA
9.25 BINTANG REMAJA
10.10 THE MAD DEATH
11.00 THE HITCH HIKER : "Love Sound"
11.30 DOA PENUTUP SIARAN
11.40 SIARANA TAMAT.

"THE LITTLE PRINCESS" sebuah siri drama keluarga yang mengandungi enam bahagian yang akan memulakan bahagian pertamanya pada hari ini kira-kira jam 6.20 petang.

[Lihat Muka 12]

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini: MAJALAH RADIO

MASYARAKAT pendengar 'Radio Brunei' di negara bertuah ini memang tidak asing lagi dengan suara yang dipancarkan oleh media elektronik tersebut. Di mana-mana sahaja mereka berada para pendengar senantiasa mengikuti rancangan-rancangan yang disiarkan dari media berkenaan. Malahan, tanpa mendengar siaran 'Radio Brunei' seolah-oleh masyarakat pendengar di negara ini kekurangan asam-garam pengetahuan hal-ehwal semasa di negara yang sedang membangun ini.

Dalam sudut 'Radio Minggu Ini' kami seringkali mengutarakan pelbagai aktiviti dan rancangan-rancangan yang disiarkan pada setiap hari, khususnya yang diusahakan oleh Perkhidmatan Radio Brunei. Bahan-bahan siaran tersebut kami selitkan adalah semata-mata bagi melengkapkan lagi minat awda semua mendengar rancangan-rancangan Radio Brunei.

Sebagai pendengar yang taat mendengar siaran rancangan-rancangan 'Radio Brunei' pada kali ini kami ingin memperkatakan serba sedikit tentang rancangan harian 'Majalah Radio'. Yang mana pada siri keluarannya akan datang ini kandungannya kami rasakan amat penting untuk awda ikuti. Kalau pun awda sudah mengikutinya mungkin awda. harus membuat pertimbangan yang wajar dan seterusnya membuat maklumbalas terhadap rancangan ataupun aktiviti radio yang dimaksudkan.

Apakah dia rancangan ataupun aktiviti radio yang dimaksudkan itu? Sebenarnya ianya hanyalah berupa hiburan yang dikenali sebagai 'Pesta Anti Dadah'. Secara tidak langsung Perkhidmatan Radio Brunei terlibat sama di dalam pesta yang dianjurkan oleh Unit Anti Dadah dan juga Pejabat Daerah Tutong. Pesta Anti Dadah tersebut telah pun diadakan di Pekan Tutong, pada 20 Mac, 1988, bermula dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Di dalam 'Pesta Anti Dadah' tersebut berbagai-bagai acara hiburan telah diselitkan. Antaranya ialah nyanyian-nyanyian, pameran, lakonan pendek dan sebagainya. Sekaligus juga pesta tadi diterapkan dengan mesej yang memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan belia-belia tentang tanggungjawab masing-masing dalam membasmi penyalahgunaan dadah.

Bagi Perkhidmatan Radio Brunei pesta seumpama ini memanglah merupakan satu bahan yang berguna untuk dimuatkan dalam rancangan 'Majalah Radio.' Kerana, secara langsung Radio Brunei dapat mengimbaukan bahan-bahan yang berguna sebegini kepada masyarakat pendengar di ceruk rantau negara berdaulat ini. Justeru itu, Majalah Radio tidaklah semata-mata mengetengahkan maklumat-maklumat berbentuk hiburan sahaja. Tetapi, lebih dari itu Majalah Radio adalah wadah kerajaan bagi menyiarkan ucapan-ucapan, ceramah-ceramah dan yang seumpama itu kepada masyarakat pendengar. Masyarakat pendengar pula haruslah mengambil iktibar dari bahan-bahan yang dimuatkan dalam rancangan kesukaan ramai ini dan seterusnya memberikan maklumbalas yang sewajarnya.

Dokumentari: PELANCARAN PENILAIAN SISTEM PRESTASI KAKITANGAN

SEMPENA pelancaran Sistem Penilaian Prestasi Kakitangan yang dijadualkan pada 24 Mac, 1988, Radio Televisyen Brunei akan menayangkan dokumentari di atas dalam mana liputannya berkisar kepada kegiatan-kegiatan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam melaksanakan khidmat dengan semangat dan cita-cita untuk meningkatkan prestasi dan produktiviti dalam kerjaya, sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Filem juga meneroka beberapa temuramah yang kandungannya mendedahkan keperluan bagi setiap kakitangan perkhidmatan awam memperbaiki prestasi dan keberkesanan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab untuk khidmat dengan bersih, cekap, jujur dan penuh amanah, bekerja dengan gigih, bijak, penuh daya dan minat, dedikasi serta penglibatan dan bekerja dengan semangat berkumpulan dalam suasana muhibah.

Filem rencana ini juga mendedahkan cara untuk melahirkan hasil dan perkhidmatan yang bermutu tinggi, iaitu hasil dari kombinasi antara kemampuan dan cara bekerja yang bercirikan sifat-sifat kebruneian. Dokumentari 32 minit ini diharapkan akan dapat memberikan sedikit sebanyak fahaman dan yang lebih pentingnya ialah kesedaran tentang pentingnya dilipatgandakan perlaksanaan Sistem Penilaian Prestasi Kakitangan pada mencapai matlamat dan aspirasi kerajaan.

Rancangan tersebut akan ditayangkan pada 24 Mac, 1988 kira-kira jam 7.30 malam.

SUSUNAN RANCANGAN TV:

[Dari Muka 11]

ISNIN 28 Mac

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 COMIC STRIP
4.55 ONCE UPON A TIME . . . MAN
5.20 BEYOND 2000
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 BEYOND 2000 — sambungan
6.20 PEOPLE DO THE CRAZIEST THINGS
6.30 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.45 PEOPLE DO THE CRAZIEST THINGS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 DIFFERENT STROKES
7.39 AZAN ISYAK
7.44 DIFFERENT STROKES — sambungan
8.05 T. J. HOOKER : "Partners In Death"
Corrigan telah menyelamatkan nyawa Stacy. Rasa terima kasih Stacy bercambah menjadi percintaan antaranya dan Corrigan. Hooker berusaha untuk menghalang perhubungan mereka demi kebaikan pasukan dan diri mereka sendiri.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 SUPERSTARS OF WRESTLING
10.50 TAYANGAN GAMBAR
12.20 DOA PENUTUP SIARAN
12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 29 Mac

PETANG

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SEABERT : "The Poachers"
4.40 THE ELECTRIC COMPANY
5.10 THE ADVENTURE OF TEDDY RUXPIN
5.35 O-LA-LA
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 O-LA-LA — sambungan
6.20 THE NEW ADVENTURES OF BEANS BAXTER
6.30 AZAN MAGHRIB
6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
6.45 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 BIMBINGAN ISLAM
7.27 MARI MEMASAK : "Keropok Udang"
(Resipi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
7.39 AZAN ISYAK
7.44 MARI MEMASAK — sambungan
8.05 AIRWOLF II : "The Puppet Master"
Locke dijadikan alat dalam satu rancangan rahsia untuk mencuri Airwolf setelah seorang doktor berjaya membedah otaknya untuk menyisipkan sesuatu yang membolehkannya mengawal fikiran dan tindak-tanduk Locke.
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 ARENA SUKAN
10.45 PRIVATE EYE : "War Buddy"
11.25 DOA PENUTUP SIARAN
11.35 SIARAN TAMAT.

DEBBIE Reynolds memegang peranan sebagai detektif bersama Brian McNamara dalam sebuah tayangan gambar "DETECTIVE SADIE AND SON" yang akan dapat awda tonton pada hari Ahad kira-kira jam 2.50 petang.

Peraduan Mencipta Logo Jabatan Penyiaran dan Penerangan

JABATAN Penyiaran dan Penerangan akan menganjurkan Peraduan Mencipta Logo, Jabatan Penyiaran dan Penerangan. Peraduan ini terbuka kepada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Rekabentuk yang terbaik akan menerima hadiah sebanyak $2,000. Syarat-syarat dan borang penyertaan boleh didapati di Radio Televisyen Brunei Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup menerima permohonan pada 9 Jun, 1988.



Fathan Haji Anuar

BINTANG REMAJA PERINGKAT SEPARUH AKHIR KETIGA

RADIO Televisyen Brunei akan menampilkan lagi tujuh orang peserta dalam pertandingan Bintang Remaja 1988 bagi peringkat separuh akhir ketiga.

Rancangan tersebut akan dapat awda saksikan pada hari Ahad kira-kira jam 9.45 malam.

Mereka yang memperdengarkan lagu-lagu pada malam tersebut terdiri daripada Haji Sohaili Haji Mohidi, Dk Norismaliah Pg Haji Idris, Rosmawati Md Daud, Norhayate Amedun, Fathan Haji Anuar, Sarbanun Hussein dan Rosyati Moslim.

Norhayate Amedun



Dk Norismaliah Pg Haji Idris



Haji Sohaili Haji Mohidi



Rosmawati Md Daud

Sarbanun Hussein

Rosyati Moslim

ri Memasak:

EROPOK UDANG

AHANNYA :—

n udang
n isi ikan
n tepung kanji
a makan garam
a teh bahan perasa
a teh baking powder
ga 1 cawan air.

EMBUATNYA :

ng, isi ikan, tepung kanji, bahan perasa, ng powder, digaul sampai sebati. Air di-kkan sedikit-sedikit.

pas menjadi pepejal adunan dibentuk se-i "roll".

kus selama lebih kurang 1½-2 jam.

kkan sebentar sebelum disimpan ke dalam sejuk.

ris halus dan dikeringkan di dalam oven suhu 45 darjah celsius selama 1 jam udian pada suhu 70 darjah celcius selama jam.

dah kering digoreng dalam minyak yang as dan sejukkan sebentar. Keropok udang hendaklah dimakan selepas digoreng atau mpan di dalam bekas yang bertutup rapat.

Sandiwara Radio: "PIASAU KAPAL"

SANDIWARA Radio untuk keluaran minggu ini berjudul "PIASAU KAPAL" yang ditulis oleh Idayu, Negara Brunei Darussalam.

Kepercayaan yang karut kadang-kadang memang lekas meresap ke jiwa orang yang tidak kuat pegangan agama dan imannya. Inilah yang dipertikaikan oleh penulis dalam rekaannya kali ini.

Kasdin memang terkenal dengan kedegilannya dan tidak mudah dihasut oleh orang lain. Kerana itulah bila isterinya Bibah lekas percaya dengan hasutan orang lain, ia menjadi begitu marah dan menuduh isterinya berfahaman kolot.

Semua itu berpunca dari piasau kapal yang mereka tanam di halaman rumah mereka. Menurut kepercayaan Lipah dan suaminya Molok, sesiapa yang menanam piasau kapal di halamannya, keluarga kepada orang yang menanamnya akan selalu ditimpa oleh bala bencana.

Kebetulan pula anak kecil mereka, Ardi sering sakit sejak pokok piasau itu ditanam. Sedikit demi sedikit kepercayaan itu juga mula menular di kalangan keluarga Kasdin.

Di sinilah Ustaz Zali memainkan peranannya menguatkan kepercayaan mereka yang segala perkara buruk dan baik itu semuanya datang dari Tuhan dan bukan dari pokok piasau kapal itu ataupun dari mana-mana sumber yang lain.

Apakah akhirnya cerita Piasau Kapal ini? Untuk mengetahuinya jangan lupa mengikuti siarannya nanti pada 27 Mac, 1988, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Md. Shah Haji Salleh.

Tetamu Radio

REVOLVERS mula ditubuhkan pada tahun 1968 dan saya mula menjadi ahli Revolvers pada 1972 .... demikian antara lain jawapan tetamu kita minggu ini ketika soalan diajukan kepadanya. Tetamu yang kita maksudkan ialah Fredie Fernandez. Siarannya ialah pada hari Jumaat 25 Mac, 1988, jam 4.00 petang.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bekgerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Rendah Limau Manis	23.2.1988	Rabu	8.30– 9.30 pagi
Rendah Pengkalan Batu	23.2.1988	Rabu	9.45–10.45 „
Rendah Masin	23.2.1988	Rabu	11.00–12.00 tengah hari
Rendah Kupang	23.2.1988	Rabu	2.00– 3.00 petang
Rendah Pantai Berakas	24.3.1988	Khamis	9.00–10.00 pagi
Kereta Di Kawasan NAAFI Berakas rison	24.3.1988	Khamis	10.05–11.05 „
Rendah Bendahara Sakam Bunut	24.3.1988	Khamis	9.45–10.45 „
imbingan Kanak-kanak Cacat, Pusat Bahagia Pulaie	24.3.1988	Khamis	2.30– 3.30 petang
Rendah Jerudong	26.3.1988	Sabtu	8.30– 9.30 pagi
Tahanan Jerudong	26.3.1988	Sabtu	9.45–10.45 „
Rendah Sengkurong	26.3.1988	Sabtu	11.00–12.00 tengah hari
Ugama Sengkurong (Sekolah ama Pg Anak Puteri Amal Umi lthum Al-Islam Kg. Mulaut)	26.3.1988	Sabtu	2.00– 3.00 petang
Rendah OKSB Kilanas	26.3.1988	Sabtu	3.15– 4.15 „
n Rumah Persatuan Kampong nah Jambu	27.3.1988	Ahad	9.00–10.00 pagi
ng Perpindah Serasa apan Kedai Muara	27.3.1988	Ahad	10.15–11.15 „
Rendah Lumapas	27.3.1988	Ahad	11.30–12.00 tengah hari
Rendah Junjungan	28.3.1988	Isnin	9.30–10.30 pagi
Rendah Panchor Murai	28.3.1988	Isnin	9.00–10.00 „
Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	28.3.1988	Isnin	10.15–11.15 „
Ugama Kg. Perpindahan Berakas	28.3.1988	Isnin	2.00– 3.00 petang
Rendah OKBI Subok	28.3.1988	Isnin	3.30– 4.30 „
Rendah Dato Mahawangsa bak	29.3.1988	Selasa	8.30– 9.30 pagi
Garison	29.3.1988	Selasa	10.30–11.30 „
Rendah Serasa	29.3.1988	Selasa	10.00–11.00 „
Rendah Mentiri	30.3.1988	Rabu	9.45–10.15 pagi
Rendah Sultan Abdul Bubin ngai Besar	30.3.1988	Rabu	10.30–11.00 „
Rendah Lumut dan Sungai Liang	30.3.1988	Rabu	11.15–11.45 „
Rendah Pulaie	31.3.1988	Khamis	9.30–10.30 pagi
Rendah Haji Md. Yusuf Katimahar	2.4.1988	Sabtu	10.00–12.00 tengah hari
Jerudong	2.4.1988	Sabtu	8.30– 9.30 pagi
Rendah Mulaut	2.4.1988	Sabtu	9.45–10.45 „
Rendah Birau	2.4.1988	Sabtu	11.00–12.00 tengah hari
Rendah Kiudang	2.4.1988	Sabtu	1.30– 2.30 petang
Rendah Lamunin	2.4.1988	Sabtu	2.45– 3.45 „
Rendah Haji Md. Salleh Sungai anching	4.4.1988	Isnin	4.00– 5.00 „
Rendah Kiarong	4.4.1988	Isnin	8.45– 9.45 pagi
Rendah Tutong Kem	4.4.1988	Isnin	8.30– 9.30 „
Rendah Delima Satu	5.4.1988	Selasa	9.30–10.30 „
Rendah Anggerek Desa Berakas	5.4.1988	Selasa	9.15–10.15 pagi
Ugama Haji Md. Jaafar Kg. iulap	5.4.1988	Selasa	10.30–11.30 „
Ugama Mata-Mata Gadong	5.4.1988	Selasa	2.45– 3.15 petang
Persediaan Inggeris Sengkurong	5.4.1988	Selasa	3.30– 4.30 „
			4.30– 5.00 „

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 17 Mac, 1988.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

1) Tong Chai (Great Wall Brand) sebungkus 60 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon
      No. 6 Jalan McArthur.
2) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
   a) Kedai Chop Ken Ken
      No. B2 Jalan Robert.
   b) Kedai Chop Chin Seng
      No. 26, Jalan Sultan.
3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
   a) Thye Seng Dept. Store
      B1 Jalan Robert.
   b) Kedai Leong Soon Huat
      No. 1 Jalan McArthur.
4) Kari Ikan (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Chop Ken Ken
      B2, Jalan Robert.
   b) Kedai Leong Soon Huat
      No. 1 Jalan McArthur.

TUTONG 5082

1) Tong Chai (Great Wall Brand) sebungkus 70 sen.
   a) Chop Tong Huat
      No. 17, Jalan Enche Awang.
2) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
   a) Kedai Chop Wah Kee
      No. 6 Jalan Enche Awang
   b) Chop Tong Huat
      No. 17 Jalan Enche Awang.
3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.50/1 kati 90 sen.
   a) Kedai Soon Lee Mini Mart
      No. 1 Jalan Enche Awang.
4) Kari Ikan (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Chop Hoe Hing
      No. 4 Jalan Enche Awang
   b) Kedai Wah Kee
      No. 6, Jalan Enche Awang

SERIA 7087

1) Tong Chai (Great Wall Brand) sebungkus 70 sen.
   a) Kedai Hudson Company
      No. 6 Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Kedai Chop Koh Seng Heng
      No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
2) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
   a) Kedai Chung Fatt
      No. 7 Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Kedai Haji C. A. Mohammad
      No. 51 Jalan Bunga Kuning.
3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.60/1 kati $1.00.
   a) Chop Koh Seng Heng
      No. 17, Jalan Sultan Omarali.
   b) Kedai Chop Nam Wah
      No. 64 Jalan Bunga Kenanga.
4) Kari Ikan (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Hudson Company
      No. 6 Jalan Sultan Omar Ali.
   b) Kedai Yuan Ho Hing
      No. 49 Jalan Bunga Kuning.

KUALA BELAIT 6083

1) Tong Chai (Great Wall Brand) sebungkus 70 sen.
   a) Kedai Koh Kee
      No. 60 Jalan Pretty.
2) Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 80 sen.
   a) Kedai Eng Soon Heng
      No. 58, Jalan Pretty.
   b) Kedai Koh Kee
      No. 60 Jalan Pretty.
3) Ubi Kentang 1 kilogram $1.60/1 kati $1.00.
   a) Kedai Chin Fatt
      No. 60B Jalan Pretty.
4) Kari Ikan (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Chop Haw Min
      Chinese Chamber of Commerce.
   b) Kedai Koh Kit Hin
      No. 28 Jalan Pretty.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JAWATAN KOSONG DI ITB SEBAGAI PENSYARAH

ITB telah ditubuhkan pada bulan Januari 1986 dan menawarkan kursus-kursus Diploma dan Sijil Tertinggi Kebangsaan dalam bidang Perniagaan dan Kewangan, Pengajian Komputer dan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik.

ITB adalah salah sebuah daripada tiga buah institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam dan sedang memperkembangkan kursus-kursus akademik, profesional dan kursus-kursus singkat untuk memenuhi keperluan kedua-dua sektor awam dan swasta di negara ini. Ini adalah dayausaha yang utama yang akan memberi suasana yang mencabar dan menggalakkan.

Permohonan adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong di Institut Teknologi Brunei, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam.

1. a) PENSYARAH (Bilangan Kod : 028 13–131)
   Tanggagaji : UB. 1 — $2450-$3760 sebulan.
   b) PENSYARAH KANAN (Bilangan Kod : 028 13–132)
   Tanggagaji : UB. 2 — $3880-$4240 sebulan.
   c) KETUA PENSYARAH (Bilangan Kod: 028 13–133)
   Tanggagaji : UB. 3 — $4600-$5200 sebulan.

Jabatan Perniagaan dan Pengurusan

Mencari pakar-pakar dalam bidang :

Perakaunan,
Pengurusan Sumber Kakitangan/Manusia,
Dasar dan Perancangan Perniagaan.

Lain-lain hal :

Pemohon-pemohon sebaik-baiknya berkesanggupan dalam salah satu daripada yang berikut sebagai tambahan bagi pengkhususan mereka : Undang-Undang Perniagaan, Pentadbiran atau Buruh, Sistem Maklumat Perniagaan, Penggunaan 'Software' Perniagaan.

Jabatan Komputer dan Maklumat

Mencari pakar-pakar dalam bidang :

Penerbangan (Avionics),
Komunikasi Gelombang Micro dan Elektronik Frekuensi Radio,
Matematik Kejuruteraan dan Perkembangan 'Software' Kejuruteraan,
Penggunaan Microprocesser dan Elektronik digital, Elektronik Am dan Kawalan.

Jabatan Komputer dan Maklumat

Mencari pakar-pakar dalam bidang :

Computer-Aided Software Engineering,
Microprocessers and Microcomputer Development Sistem,
Object Oriented Programming.

ITB dilengkapkan dengan PRIME 9655 Super-Mini Komputer, berkeupayaan sehingga 36 pengguna secara serentak, selain daripada itu ia mempunyai 2 Rangkaian PC, tiap-tiap satu mempunyai 12 stesen, mengandungi IBM PC dan RM Nimbus. Makmal Senibina mempunyai banyak PC, Z80 sistem, 6800 unit perkembangan dan beberapa 'interface device'. Berpengalaman dalam mana-mana peralatan yang tersebut merupakan satu kelebihan.

Kelayakan :

Ijazah Kepujian dalam jurusan yang bersesuaian. Mestilah mempunyai pengalaman post-graduate yang berkaitan, biasanya termasuk pengalaman mengajar dan/atau perdagangan atau perusahaan. Bagi bidang Kejuruteraan Elektrik pemohon-pemohon hendaklah Jurutera Berkanun atau layak bagi Taraf Penuh Kejuruteraan Profesional. Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai ijazah yang lebih tinggi dalam bidang yang bersesuaian.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 31 Mac, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 28/1988.

(E/281/86)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi The Supply, Delivery and Installation of Packet Switching Exchange.

2. Empat set Bahagian Komersial dari 'tender' tersebut hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa yang bertanda :—

"TENDER FOR THE SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF PACKET SWITCHING EXCHANGE."

Rujukan : JTB/STEE (PD) /5/1988.

Tanpa menyatakan nama pemborong berkenaan dan dialamatkan kepada :—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Kementerian Kewangan,
Tingkat Empat,
Bangunan Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan 1130,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 23 Mei, 1988.

3. Empat set Bahagian Teknikal dari 'tender' tersebut hendaklah dihantar kepada :

Pengarah Telekom,
Jabatan Telekom Brunei,
Bandar Seri Begawan 2051,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari hari Isnin 23 Mei, 1988.

6. Keterangan lanjut bolehlah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, (Tingkat 1), Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan 2051, Negara Brunei Darussalam dengan wang cagaran berjumlah B$500.00 (tidak dikembalikan) dan B$1.000.00 (dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibayar sama ada dengan wang tunai atau Cheque beserta dengan Bank Gurantee.

7. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PELABUHAN-PELABUHAN

BIL : 3/88

TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan Satu (1) Unit PEJABAT BERGERAK (CONTAINER OFFICE) 20 kaki panjang.

Pejabat yang ditawarkan hendaklah dengan harga CIF Muara, termasuk cukai (import duty).

'Supply CIF Muara inclusive of import duty one (1) unit Container Office 20 feet long.'

Keterangan-keterangan lanjut bolehlah didapati dari Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Muara 4020.

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang biasa atau yang dikhaskan dan hendaklah bertutup pada bahagian atas sebelah kiri. Sampul tersebut hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran dan tarikh tutup. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 30 Mac, 1988.

Wang cagaran B$100.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Muara, Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah/murah atau sebarang tawaran.

Pemberitahuan Tawaran, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

BIL. : PPL/TB/1/1988

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN KE ATAS SEMUA LOJI-LOJI HAWA DINGIN UNTUK ISTANA DARUL HANA DAN BANGUNAN-BANGUNAN YANG BERKAITAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM UNTUK DUA TAHUN.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 28 Mac, 1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong : Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin sahaja).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/13/1988

Tajuk kerja : MAINTENANCE OF LIFTS, ESCALATORS & DUMBWAITERS IN GOVERNMENT BUILDINGS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 28 Mac, 1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Pre-Qualified Contractors only.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

BIL. : PPL/TB/44/1988

Tajuk kerja : PEMELIHARAAN ALAT-ALAT HAWA DINGIN JENIS CENTRAL DI BANGUNAN JABATAN KERAJAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : $200.00.

Tarikh tutup : 28 Mac, 1988 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup : Peti Tawaran, Kementerian Kewangan.

Kelayakan pemborong : Kelas "B" atau "C" Hawa Dingin.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

KURSUS SIJIL JURURAWAT BAGI SESI 1988-1991 MAKTAB JURURAWAT PENGIRAN ANAK PUTERI RASHIDAH SA'ADATUL BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMOHON-pemohon terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkelayakan bagi mengikuti Kursus Sijil Jururawat di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah selama tiga tahun iaitu bagi sesi 1988/1991 adalah dipelawa untuk menghadapkan permohonan masing-masing. Penduduk-penduduk tetap bolehlah juga memohon.

2. JENIS KURSUS

Pada masa ini maktab ini hanya akan menjalankan kursus asas jururawat untuk jawatan Jururawat Terlatih.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Hanya calon-calon yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah ini sahaja akan ditemuduga untuk dipertimbangkan :—

a) KELAYAKAN AKADEMIK

i) Memiliki sekurang-kurangnya empat (4) kepujian dalam mata pelajaran peringkat biasa, sama ada diperolehi dalam sekali atau terkumpul dalam dua tahun berturut-turut dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge atau peperiksaan yang sebanding dengannya.

ii) Mata-mata pelajaran dalam peringkat biasa hendaklah mengandungi mata pelajaran Bahasa Melayu dan salah satunya mata pelajaran Ilmu Hisab, atau Sains atau Bahasa Inggeris.

iii) Mereka yang mempunyai kelulusan Bahasa Melayu (pangkat lulus) dan 3 kredit dalam mata pelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris atau salah satu dari mata-mata pelajaran Sejarah, Geografi, Ekonomi, Perniagaan, Prinsip Akaun boleh juga diberi pertimbangan khas. Calon-calon sedemikian diwajibkan untuk mendapatkan kepujian dalam Bahasa Melayu dalam masa berkursus di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Negara Brunei Darussalam.

b) UMUR

Tidak melebihi 30 tahun pada 1 Julai, 1988.

c) PERJANJIAN

Calon-calon yang terpilih dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan menyanggupi perkara-perkara di bawah ini :—

i) Dia dan/atau penjamin-penjamin sanggup membayar balik kepada kerajaan dengan sepenuhnya semua perbelanjaan yang digunakan untuk membiayai dirinya termasuk elaun yang diterimanya selama dia telah menjalani kursus tersebut, sekiranya dia diberhentikan atau berhenti yang bukan atas kehendak pihak kerajaan.

ii) Dia akan berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam kerjaya jururawat selama lebih kurang daripada lima (5) tahun selepas berkursus dan bersedia ditempatkan bertugas di mana-mana rumah sakit dan klinik-klinik di Negara Brnuei Darussalam.

d) SIJIL KESIHATAN

Mempunyai kesihatan badan yang memuaskan dan mendapat pengesahan dan pengakuan doktor yang diakui kerajaan.

4. KEMUDAHAN DAN ELAUN PENUNTUT

(a) Pemohon-pemohon yang terpilih memasuki maktab akan mendapat elaun makan-minum sebanyak $100.00. sebulan.

(b) Mereka juga diberi elaun sara hidup seperti berikut:—

Tahun Pertama	—	$250.00 sebulan
Tahun Kedua	—	$270.00 sebulan
Tahun Ketiga	—	$300.00 sebulan

Mereka yang berjaya dan lulus dalam latihan akan disokong menjadi jururawat terlatih — dalam sukatan gaji M5 – M6.

5. PERMOHONAN

(a) Semua permohonan hendaklah menggunakan borang khas yang dikeluarkan oleh Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.

Semua pertanyaan hendaklah ditujukan kepada Maktab Jururawat melalui Tel. No.: 32663.

(b) Semua borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Pengetua Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada 26 Mac, 1988.

6. PERHATIAN

Sebarang borang permohonan yang diterima tidak disertakan dengan perkara-perkara yang dikehendaki atau tidak jelas, demikian juga permohonan yang terlewat sampai ke Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Negara Brunei Darussalam dari tarikh yang dihadkan tidak akan dilayan.